

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

1. Apakah strategi Kerajaan Negeri bagi memastikan golongan warga emas dan OKU mendapat akses mudah kepada program bantuan dan khidmat kesihatan komuniti di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat serta agensi negeri?
  - (a) Berikan statistik jumlah penerima bantuan JKM di KADUN Batu Uban.
  - (b) Apakah cadangan Kerajaan Negeri bagi membantu golongan warga emas yang tiada waris?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam memastikan golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) mendapat akses kepada bantuan dan kemudahan yang sewajarnya. Sehubungan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) kerap menganjurkan program berbentuk *outreach* di pelbagai tempat bagi memudahkan golongan warga emas dan OKU melakukan pendaftaran serta mendapat maklumat berkaitan bantuan yang layak dipohon. Pegawai yang terlibat turut memberikan penerangan dan bimbingan bagi membantu proses pendaftaran sama ada kepada individu sendiri atau ahli keluarga yang mewakili mereka.
  - (a) Statistik jumlah penerima bantuan JKM mengikut skim bantuan di KADUN Batu Uban adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Sukarelawan Mutiara bagi membantu dan menyantuni golongan warga emas yang tiada waris. Inisiatif ini bertujuan menjadi saluran komunikasi dua hala antara rakyat dan Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti keperluan sebenar masyarakat serta menyelesaikan isu kebajikan dan masalah sosial melalui kerjasama komuniti dan agensi. Selain itu, program ini memupuk masyarakat yang penyayang, prihatin, dan bersatu melalui semangat kejiwaan, memperkukuh kepimpinan akar umbi serta menjalin kerjasama dengan Pusat Khidmat ADUN, sekaligus memperkasa budaya kesukarelawanan selaras dengan dasar kebajikan negeri.

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG  
BAGI DUN BATU UBAN**

<b>BIL.</b>	<b>SKIM BANTUAN</b>	<b>BILANGAN KES</b>
1	Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES)	26
2	Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	14
3	Bantuan Warga Emas (BWE)	103
4	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	60
5	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	55
6	Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar Dan Pesakit Kronik Tidak Terlantar (BPT)	30
<b>JUMLAH</b>		<b>288</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

**\*Janaan maklumat penerima bantuan ini adalah pada Oktober 2025.**

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

2. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina kemudahan sukan awam di KADUN Batu Uban seperti gelanggang futsal, pickleball dan bola keranjang bagi tujuan pembangunan sukan akar umbi?
  - (a) Apakah bentuk sokongan kewangan atau geran kecil yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada persatuan belia dan sukan tempatan?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri komited untuk menambah baik infrastruktur sukan di seluruh daerah dan komuniti. Namun, setiap pembinaan dan menaik taraf fasiliti perlu dimohon terlebih dahulu kepada Kerajaan Pulau Pinang.
  - (a) Sejumlah RM5 juta peruntukan setahun telah diperuntukkan bagi tahun 2025 untuk tujuan tersebut, meliputi peruntukan kepada Majlis Sukan Negeri dan Pejabat EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan.

Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM1.5 juta telah diperuntukkan kepada Pejabat EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan yang dikhususkan bagi kerja-kerja naik taraf gelanggang sukan di setiap daerah melalui Pejabat Daerah dan Tanah.

Selain daripada sokongan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang (JBSNPP) telah melaksanakan program Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Geran Padanan Sukan (GPS) bagi menyokong penganjuran acara sukan pelbagai peringkat dari antarabangsa sehingga peringkat komuniti.

Bagi DSK, sejumlah 93 permohonan telah diluluskan setakat Jendela 6 dengan jumlah RM1,198,000.00 yang memanfaatkan acara sukan dengan jumlah penyertaan 22,858 peserta. Manakala untuk GPS, negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM1,165,000.00 melalui 17 permohonan bagi menganjurkan acara sukan dalam bentuk geran padanan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

3. Apakah alasan Kerajaan Negeri untuk tidak memberikan kebenaran kepada penganjur karnival atau ekspo masyarakat India untuk diadakan 3 bulan sebelum sambutan Deepavali?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri pernah membuat survey berkaitan penerimaan sambutan karnival ini di kalangan masyarakat India?
  - (b) Nyatakan pihak yang membuat bantahan terhadap penganjuran karnival tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 3 Tahun 2024 pada 17 Januari 2024 telah memutuskan bahawa penganjuran Karnival/ Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India di Negeri Pulau Pinang adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
- (i) Syarat-syarat yang telah dipersetujui bukan hanya terpakai pada perayaan Deepavali tetapi terpakai juga untuk Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India;
  - (ii) Penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India terbuka untuk

penganjur/peniaga dari luar Negeri Pulau Pinang bermula dari 1 April sehingga 30 Jun sahaja;

- (iii) Tiada penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo dibenarkan 30 hari sebelum perayaan Deepavali. Karnival/Bazar/Ekspo hanya dibenarkan di dalam pusat membeli-belah/pasar raya/premis kedai sahaja tanpa melibatkan mana-mana penganjur dan peniaga dari luar premis tersebut. Penganjur Karnival/Bazar/Ekspo juga dibenarkan di tapak-tapak khas yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kebenaran-kebenaran ini perlu mendapat kelulusan YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan;
- (iv) Setiap penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India perlu mendapatkan kelulusan permit penganjuran, permit perniagaan sementara, permit hiburan dan permit pemasangan iklan sepanduk/*banner* daripada PBT sebelum penganjuran bermula;
- (v) Tidak dibenarkan penganjur/peniaga/pekerja bukan warganegara Malaysia/Permastautin Tetap (PR) dan penganjur/peniaga/pekerja warganegara Malaysia perlu berada di tapak bagi menguruskan perniagaan sepenuhnya dalam penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India; dan
- (vi) PBT boleh membatalkan permit perniagaan yang telah dikeluarkan kepada penganjur dan peniaga sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana syarat di atas dan tindakan penguatkuasaan lanjut akan diambil berdasarkan undang-undang semasa yang sedang berkuat kuasa.

Keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan asas-asas pertimbangan seperti berikut:

- (i) Kerajaan Negeri berterusan menerima aduan dan rungutan daripada peniaga India di Negeri Pulau

Pinang, Persatuan Penjaja & Peniaga Kecil India Negeri Pulau Pinang (yang mewakili 200 orang penjaja/peniaga kecil India), Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berhubung penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India yang melibatkan penyertaan peniaga dari luar Negeri Pulau Pinang dan juga luar negara seperti India, Bangladesh dan Pakistan. Penganjuran tersebut memberi kesan negatif yang ketara kepada penjaja/peniaga tempatan;

- (ii) Peniaga-peniaga tempatan tidak dapat bersaing secara sihat disebabkan oleh harga barangan yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga luar Negeri Pulau Pinang dan juga peniaga-peniaga asing dari luar negara adalah jauh lebih murah;
  - (iii) Pendapatan hasil jualan yang diperoleh oleh peniaga-peniaga tempatan terjejas teruk dan bakal berdepan risiko perniagaan gulung tikar; dan
  - (iv) Aktiviti perniagaan yang melibatkan peniaga-peniaga tempatan kaum India tidak dapat berkembang dengan baik kerana kesan penglibatan peniaga-peniaga luar di dalam pasaran tempatan.
- (a) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak menjalankan sebarang soal selidik berkaitan penerimaan sambutan Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India ini dalam kalangan masyarakat India.
  - (b) Pihak-pihak yang telah mengemukakan bantahan terhadap penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India yang melibatkan penganjur, peniaga dan penjaja dari luar Negeri Pulau Pinang atau luar negara adalah seperti berikut:
    - (i) Penjaja dan peniaga kecil India di Negeri Pulau Pinang;

- (ii) Persatuan Penjaja & Peniaga Kecil India Negeri Pulau Pinang (yang mewakili 200 orang penjaja/peniaga kecil India); dan
- (iii) Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

4. Berapakah jumlah belia di Pulau Pinang yang terlibat dalam program latihan kemahiran di bawah Penang Youth Development Corporation (PYDC) bagi tahun 2024 dan 2025?
- (a) Apakah kadar kebolehpasaran selepas latihan?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) memperkasakan program berasaskan latihan dan kemahiran melalui Jawatankuasa Belia Pulau Pinang.

Bagi tahun 2024 dan 2025, seramai 1,631 orang belia telah terlibat dalam sebanyak 47 program latihan kemahiran seperti kemahiran digital, keusahawanan, komunikasi, dan pembangunan kerjaya yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, institusi latihan, serta pihak industri.

Senarai latihan dan kemahiran yang telah dianjurkan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang dengan kerjasama PYDC bagi belia di negeri ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) PYDC buat masa ini tidak mempunyai data bagi nilai kebolehpasaran belia melalui program-program yang dilaksanakan namun impak positif yang ditonjol oleh peserta adalah lebih mempunyai keyakinan dan bersemangat untuk menonjolkan diri di khalayak ramai.

Belia-belie yang mengikut program juga tidak hanya didedahkan kepada alam pekerjaan namun mereka juga diajar untuk mengasah *soft skill* dan keusahawanan.

**SENARAI LATIHAN DAN KEMAHIRAN YANG DIANJURKAN OLEH JBPP PADA  
TAHUN 2024- 2025**

<b>JBPP</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>JUMLAH PENGLIBATAN BELIA</b>
<b>N02 Bertam</b>	Kursus Asas Baiki Telefon Bimbit	9 Ogos 2025	22
<b>N06 Telok Ayer Tawar</b>	Kelas MADANI Baking & Dessert	16 Ogos 2025	20
<b>N07 Sungai Puyu</b>	Canva Editing Workshop	28 April 2024	14
	Bengkel Membuat Sabun dari Minyak	19 Mei 2024	
<b>N09 Bagan Dalam</b>	Latte Art Workshop	12 Mei 2024	60
	Photography Workshop	16 Jun 2024	40
	3D Printing Workshop	29 Disember 2024	40
	Basic Drone Handling Skills Training	27 April 2025	50
<b>N11 Permatang Pasir</b>	Asas Fotografi - Kursus TVET	22 Mac 2025	50
	Kursus Membaiki Peti Ais	28 Jun 2025	20
<b>N12 Penanti</b>	Program Make up asas 2.0	21 Julai 2024	60
<b>N13 Berapit</b>	Bengkel Kopi	19 Oktober 2025	15
<b>N14 Machang Bubuk</b>	Seminar cekap sunting: canva and capcut	1 Disember 2025	30
<b>N16 Perai</b>	Kursus Asas Menjahit	28 April 2024	25
	Bengkel Pengendalian Drone Untuk Belia KADUN Perai	11 Oktober 2025	35
<b>N22 Tanjung Bunga</b>	Kelas Batik Painting (Sempena Hari Bapa)	21 Jun 2025	60
	Kelas Digital	21-28 Jun 2025	40
	Kelas Memanah	22 Jun 2025	50
<b>N23 Air Putih</b>	Wax and wonder Batik	5 April 2025	30
	Coffee Workshop: Father's Day Special	14 Jun 2025	40

LAMPIRAN A

JBPP	PROGRAM	TARIKH	JUMLAH PENGLIBATAN BELIA
<b>N25 Pulau Tikus</b>	Beginners Website Development Workshop	28 Januari 2024	15
	Bake for a Cause: Cookies Workshop	30 Mac 2024	21
	Public speaking Workshop with Toastmasters oracle	23 Jun 2024	30
	Bengkel Terrarium	27 Julai 2024	200
	Bengkel Kraf Tangan Potongan Kertas Cina	10 Ogos 2024	11
	Bengkel Pengucapan Awam	18 Januari 2025	20
	Syawal Cookie Baking Workshop	19 April 2025	30
	Unlocking Team Potential: A workshop on communication and Leadership	23 Ogos 2025	25
<b>N26 Padang Kota</b>	Bengkel Google Workspace Belia Padang Kota	10 November 2024	30
	Bengkel AI Workshop: Gemini, Gems & Notebook LM Untuk Generasi AI	5 Oktober 2025	30
<b>N27 Pengkalan Kota</b>	Learn and Play Archery	23 Mac 2025	30
	Program Kursus Canva	27 Julai 2025	30
<b>N28 Komtar</b>	Bengkel "Coffee Brewing"	18 Ogos 2024	30
	Batik Workshop	5 Oktober 2024	25
	Pottery Workshop	3 November 2024	30
	Video Editing Workshop	26 Julai 2025	30
	Coffee Art Workshop	18 Oktober 2025	30

LAMPIRAN A

<b>JBPP</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>JUMLAH PENGLIBATAN BELIA</b>
<b>N31 Batu Lanchang</b>	Tea Workshop 2024	8 September 2024	12
<b>N32 Seri Delima</b>	Program Bengkel Seni Latte	13 April 2024	30
	AI Film Craft	1 Jun 2024	40
	Bengkel Seni Latte	21 Jun 2025	30
<b>N33 Air Itam</b>	Coffee Workshop: Father's day special	14 Jun 2025	29
<b>N35 Batu Uban</b>	Youth Innovators: AI For Bussiness	18 Ogos 2024	50
<b>N38 Bayan Lepas</b>	Kelas Makeup Galam Raya	22 Mac 2025	10
<b>N39 Pulau Betong</b>	Bengkel Kelas Make up	19 Oktober 2024	30
<b>N40 Teluk Bahang</b>	Dandanani diri- solekan "serlahkan keanggunanmu"	1 September 2024	50
	Kelas Kemahiran Dandanani Diri - Asas Solekan Dan Hijab Style	21 Jun 2025	32
<b>JUMLAH</b>	<b>47 PROGRAM</b>		<b>1631 BELIA</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

5. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh MBPP bagi menangani isu pembuangan sampah haram dan sisa binaan di kawasan KADUN Batu Uban?
- (a) Nyatakan lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram di bahagian Pulau.
  - (b) Berikan data mengenai mereka yang didakwa dan dikenakan hukuman atas kesalahan ini.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menangani isu pembuangan sampah haram termasuk di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban adalah seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan Notis Tentang Kesalahan (NTK) di bawah Seksyen 47(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];
  - (ii) Mengambil tindakan untuk memberhentikan dan menghapuskan segala kacau ganggu terhadap pemunya tanah dan pemilik berdaftar kenderaan yang terlibat dalam aktiviti pembuangan sampah, selaras dengan Seksyen 80, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];

- (iii) Memasang papan tanda “Dilarang Buang Sampah” dan melaksanakan kerja-kerja pengindahan di tapak longgokan sampah haram;
- (iv) Memasang kamera litar tertutup (CCTV) mudah alih di kawasan panas (hotspot) bagi memantau dan mengawal aktiviti pembuangan sampah secara haram; dan
- (v) Melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu secara berjadual.

Sementara itu, bagi menangani isu pembuangan sampah binaan, MBPP telah menetapkan syarat-syarat khusus bagi semua Kebenaran Memulakan Kerja-kerja Pembinaan (COW) seperti berikut:

- (i) Semua sisa binaan dan perobohan (C&D) yang dihasilkan daripada tapak pembinaan hendaklah dilupuskan di tapak pelupusan yang diluluskan oleh MBPP. Laporan bulanan aktiviti pelupusan sisa C&D juga perlu dikemukakan sebagai bukti pelupusan yang sah; dan
  - (ii) Tindakan penguatkuasaan serta-merta termasuk pengeluaran Perintah Henti Kerja (Stop Work Order) sekiranya didapati sisa C&D dari tapak pembinaan dilupuskan di tapak yang tidak diluluskan oleh MBPP.
- (a) Lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram dan sisa binaan di bahagian Pulau adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) MBPP telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap individu atau pihak yang terlibat dalam aktiviti pembuangan sampah haram. Jumlah pengeluaran Notis Tentang Kesalahan (NTK) serta tindakan pendakwaan bagi kes pembuangan sampah haram dari tahun 2023 sehingga bulan September tahun 2025 adalah seperti berikut:

(i) Pengeluaran NTK

TAHUN	BILANGAN (NTK)
2023	825
2024	1,494
2025(Sehingga bulan September)	2,231
JUMLAH	4,550

(ii) Tindakan Pendakwaan

TAHUN	LOKASI	SYARIKAT / PEMILIK
2024	Jalan Teluk Kumbar	Sim Kok Kei
2025	Tingkat Bukit Jambul 1	Barathraj a/l Subramaniam

## LONGGOKAN SAMPAH HARAM BERSKALA KECIL

BIL.	PARLIMEN	DUN	LOKASI
1.	Bukit Bendera	Tanjong Bungah	Jalan Sungai 1
2.		Pulau Tikus	Lengkok Burma (Kampung Sireh)
3.		Tanjong Bungah	Jalan Tanjong Bungah
4.		Tanjong Bungah	Jalan Tanjung Pinang Satu
1.	Tanjong	Pengkalan Kota	Lebuhraya Merdeka
2.		KOMTAR	Jalan Sungai Ujong
1.	Jelutong	Datok Keramat	Jalan Dato Keramat Berdekatan Pusat KADUN
2.		Sungai Pinang	Lintang Sungai Pinang
3.		Datok Keramat	Jalan Perak (Perhentian Bas Taman Abidin)
4.		Sungai Pinang	Belakang Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
5.		Batu Lanchang	Jalan Pasar (Pasar Jalan Perak)
6.		Batu Lanchang	Jalan Ooi Thiam Siew
7.		Batu Lanchang	Jalan Taiping
8.		Batu Lanchang	Lorong Cantik
9.		Batu Lanchang	Jalan Sri Ibrahim Tepi D'Monte
10.		Batu Lanchang	Medan Penaga (Taman Selat)
11.		Batu Lanchang	Jalan Bagan Serai
1.	Bukit Gelugor	Seri Delima	Lorong Delima 4
2.		Seri Delima	Jalan Khemah
3.		Seri Delima	Tingkat Pemancar
4.		Seri Delima	Hilir Pemancar
5.		Seri Delima	Lebuhraya Bingham
6.		Seri Delima	Persiaran Sungai Gelugor 2
7.		Seri Delima	Tingkat Sungai Gelugor
8.		Air Itam	Kampung Sheik Madar
9.		Air Itam	Jalan Paya Terubong (Kampung Cina)
10.		Paya Terubong	Medan Angsana 2
11.		Paya Terubong	Lintang Angsana ( <i>Backlane</i> Sushi Mentai)
12.		Paya Terubong	Medan Angsana 2 (Lokasi Berlainan No. 10)
13.		Paya Terubong	Jalan Rambai

LAMPIRAN A

BIL.	PARLIMEN	DUN	LOKASI
14.		Paya Terubong	Hilir Paya Terubong (Restoran Deen)
15.		Paya Terubong	Halaman Paya Terubong 1 (Hadapan Agro)
1.	Bayan Baru	Batu Uban	Jalan Rumbia ( <i>Backlane</i> Kedai)
2.		Batu Uban	Lengkok Nipah
3.		Batu Uban	Lorong Nipah 6
4.		Batu Uban	Tingkat Nipah (Hadapan No. 50)
5.		Pantai Jerjak	Jalan Pantai Jerejak 4 (Tepi Sungai)
6.		Pantai Jerjak	Lorong Kampung Jawa
7.		Batu Maung	Lebuh Batu Maung 4
8.		Batu Maung	Lengkok Batu Maung
9.		Pantai Jerjak	Jalan Mayang Pasir, Bukit Gedong
10.		Batu Maung	Saujana Damai
11.		Batu Maung	Lorong Sungai Tiram 4
12.		Batu Maung	Lintang Bayan 10
13.		Batu Uban	Lebuhraya Nipah
14.		Batu Uban	Jalan Permai
15.		Batu Uban	Jalan Endah
16.		Batu Maung	Jalan Bidara (Hadapan BKE Station)
17.		Batu Maung	Solok Sungai Ara 1
18.		Batu Maung	Lebuh Batu Maung 12
19.		Batu Maung	Lebuh Batu Maung 12/1
20.		Batu Maung	Medan Batu Maung 7
1.	Balik Pulau	Bayan Lepas	Jalan Mahkamah
2.		Bayan Lepas	Jalan Gertak Sanggul (Hadapan Dewan JKK)
3.		Bayan Lepas	Jalan Gertak Sanggul
4.		Bayan Lepas	Jalan Gertak Sanggul (Hadapan Masuk Khuntai)
5.		Bayan Lepas	Jalan Sungai Batu
6.		Bayan Lepas	Jalan Sungai Batu
7.		Bayan Lepas	Persiaran Sungai Batu
8.		Bayan Lepas	Teluk Bayu
9.		Bayan Lepas	Kampung Matahari Naik

**LAMPIRAN A**

BIL.	PARLIMEN	DUN	LOKASI
10.		Pulau Betong	Pekan Kongsı ( <i>Backlane</i> )
11.		Teluk Bahang	Jalan Nelayan
12.		Teluk Bahang	Jalan Teluk Awak

**LONGGOKAN SAMPAH HARAM BERSKALA BESAR**

BIL.	PARLIMEN	DUN	LOKASI
1.	Bayan Baru	Batu Maung	Jalan Baru, Batu Maung
2.	Bayan Baru	Batu Uban	Jalan Sungai Dua (Hadapan Jubilee)
3.	Balik Pulau	Bayan Lepas	Jalan Teluk Kumbar
4.	Jelutong	Sungai Pinang	Belakang Bomba Jalan Perak

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

6. Berapa banyak laporan terhadap JMB / MC dalam kawasan KADUN Batu Uban yang diterima oleh COB dalam tempoh tahun 2025? Berikan butiran yang lengkap.
- (a) Apakah tindakan yang telah diambil terhadap JMB / MC yang gagal menjalankan penyelenggaraan dengan baik?
- (b) Apakah tempoh masa untuk COB bertindak ke atas aduan yang diterima?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak 92 aduan yang melibatkan *Joint Management Body (JMB)/Management Committee (MC)* di dalam KADUN Batu Uban bagi tempoh Januari hingga September 2025. Pecahan aduan yang diterima melalui sistem aplikasi PEARL dan surat rasmi/borang aduan adalah seperti berikut:

<b>TAHUN (2025)</b>	<b>SURAT RASMI / BORANG</b>	<b>PEARL (e-ADUAN)</b>	<b>JUMLAH</b>
JANUARI	5	12	17
FEBRUARI	3	8	11
MAC	4	8	12
APRIL	5	6	11
MEI	3	4	7

TAHUN (2025)	SURAT RASMI / BORANG	PEARL (e-ADUAN)	JUMLAH
JUN	4	0	4
JULAI	8	3	11
OGOS	2	13	15
SEPTEMBER	2	2	4
<b>JUMLAH</b>	<b>36</b>	<b>56</b>	<b>92</b>

- (a) Merujuk Seksyen 21 dan Seksyen 59, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] adalah menjadi kewajipan ke atas setiap JMB/MC untuk mengurus, menyenggara dan memastikan bangunan atau tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak serta harta bersama berada dalam keadaan baik, teratur dan boleh digunakan dengan selamat.

Sehubungan dengan itu, JMB/MC bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan dan penyelenggaraan skim di bawah seliaan mereka. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab ini bukan sahaja menjejaskan keselesaan penghuni, malah boleh membawa kepada tindakan melalui Tribunal Pengurusan Strata (TPS) bagi memastikan pihak pengurusan iaitu JMB/MC mematuhi kewajipan yang telah diperuntukkan di bawah Akta 757 tersebut.

Berdasarkan Akta 757 ini juga, tiada peruntukan khusus yang menetapkan tindakan penalti secara langsung terhadap JMB/MC sekiranya mereka gagal melaksanakan tugas penyelenggaraan dengan baik.

Walau bagaimanapun, kegagalan pihak JMB/MC dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab penyelenggaraan boleh dicabar di peringkat TPS dan mahkamah. TPS dan mahkamah mempunyai kuasa untuk memutuskan *award* dan membuat keputusan sekiranya dibuktikan JMB/MC gagal menjalankan tugas berhubung pengurusan dan penyelenggaraan di skim strata seliaannya.

- (b) Setiap aduan yang diterima melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) oleh Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) akan didaftarkan bagi membolehkan siasatan dijalankan dengan teratur. Aduan melalui sistem aplikasi PEARL akan diambil tindakan dalam tempoh tiga (3) hari termasuk hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am. Manakala aduan yang diterima melalui surat-menyurat rasmi, serahan tangan melalui Borang Aduan Jabatan dan e-mel akan diambil tindakan berdasarkan klasifikasi isu yang dibangkitkan.

Aduan mudah akan diambil tindakan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja, manakala aduan sederhana dan rumit bergantung kepada siasatan jabatan. Walau bagaimanapun, pemakluman status aduan akan diberikan kepada pengadu dari semasa ke semasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

7. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh MBPP berhubung aduan daripada penduduk mengenai anjing liar yang semakin banyak berkeliaran di kawasan Minden Heights, khususnya di Jalan 1 dan Lorong 14?
- (a) Berikan data tangkapan anjing di kawasan tersebut.
  - (b) Selain operasi tangkapan, apakah pelan tindakan jangka panjang bagi menangani isu ini?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menjalankan operasi kawalan anjing liar berdasarkan aduan yang diterima daripada penduduk. Antara tindakan yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut:
- (i) Bekerjasama dengan pihak *International Aid for the Protection & Welfare of Animals* (IAPWA) untuk menjalankan *task force* di kawasan aduan yang diterima;
  - (ii) Memasang perangkap untuk tangkapan anjing di kawasan aduan; dan
  - (iii) Meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pemberi makanan (*feeders*) kepada haiwan terbiar yang menaburkan sisa makanan di tempat awam

mengikut peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 47(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].

- (a) Sejumlah **61 ekor anjing** telah ditangkap oleh pihak MBPP di kawasan tersebut dari tahun 2021 sehingga 15 Oktober 2025 mengikut perincian seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH TANGKAPAN (EKOR)</b>
2021	15
2022	13
2023	15
2024	14
2025 (setakat 15 Oktober 2025)	4
<b>JUMLAH</b>	<b>61</b>

- (b) Pihak MBPP akan mempergiatkan lagi tindakan sedia ada yang diambil sebagai pelan jangka panjang bagi menangani isu ini. Pihak MBPP juga akan merancang pusat penempatan yang bersesuaian bagi menempatkan anjing-anjing yang agresif yang tidak sesuai untuk dikembalikan ke tempat asal untuk direhabilitasi atas pelbagai faktor seperti aduan berulang dan kacau ganggu.

Selain itu, antara inisiatif yang diambil adalah seperti mempergiatkan *task force* bersama pihak IAPWA di kawasan aduan, meneruskan pemasangan perangkap di kawasan aduan serta meneruskan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pemberi makanan (*feeders*) kepada haiwan terbiar yang menaburkan sisa makanan di tempat awam mengikut peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 47(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

8. Apakah strategi dan langkah baharu yang sedang dilaksanakan untuk memperkukuh daya saing ekonomi Pulau Pinang, khususnya dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global dan kadar tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat?
- (a) Sejauh manakah inisiatif Pelan Strategik Ekonomi Pulau Pinang 2030 telah disemak semula bagi menyesuaikan dasar pelaburan negeri dengan realiti ekonomi global baharu?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

8. Langkah Dan Strategi Baharu Memperkukuh Daya Saing Ekonomi Pulau Pinang

Bagi memperkukuh daya saing ekonomi negeri dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global serta kadar tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan beberapa strategi dan inisiatif utama seperti berikut:

- (i) Penubuhan *Tariff Monitoring Task Force*

Pada 11 April 2025, YAB Ketua Menteri Pulau Pinang telah mengumumkan penubuhan *Tariff Monitoring Task Force* sebagai satu inisiatif strategik bagi menangani isu tarif yang dikenakan oleh AS terhadap Malaysia. Pasukan ini ditubuhkan bagi memantau perubahan tarif antarabangsa,

khususnya tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat ke atas Malaysia, serta menilai kesannya terhadap sektor eksport negeri. Ia juga berperanan untuk mengukuhkan kerjasama dengan agensi Kerajaan Persekutuan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dalam menyalurkan maklumat dan menyelaraskan tindakan dasar yang bersesuaian.

Skop utama pasukan ini adalah meliputi:

- 1) Penubuhan platform penyelarasan pusat untuk memantau perubahan dasar tarif antarabangsa;
- 2) Penglibatan secara langsung dengan sektor industri yang terjejas; dan
- 3) Pembangunan *Trade Adjustment Toolkit* bagi membantu pengeksport dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menyesuaikan diri dengan persekitaran perdagangan global yang baharu.

(ii) Inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* (PSD@5KM+)

Sebagai langkah memperkukuh daya saing Pulau Pinang dalam sektor semikonduktor, inisiatif PSD@5KM+ telah diperkenalkan bagi membangunkan ekosistem menyeluruh dalam rantaian nilai hadapan (front-end value chain) semikonduktor. Inisiatif ini berpusat di Bayan Lepas dalam radius lima (5) kilometer. Komponen utama inisiatif ini adalah seperti yang berikut:

1) Pembangunan Infrastruktur (Ekosistem)

Pembinaan *Penang Integrated Circuit Design and Digital Park*, sebuah taman teknologi seluas satu (1) juta kaki persegi di Bayan Lepas yang menyediakan ruang pejabat dan makmal hibrid untuk syarikat reka bentuk cip dan digital;

2) Pembangunan Bakat dalam *Integrated Circuit Design* (IC Design)

Penubuhan Penang Chip Design Academy (PCDA) bagi menangani jurang kemahiran dalam bidang reka bentuk litar bersepadu. Akademi ini menawarkan program peningkatan kemahiran (upskilling) dan pemerksaan semula (reskilling) kepada profesional dan graduan kejuruteraan. Sasarannya adalah melatih sekurang-kurangnya 1,000 jurutera serta kadar penempatan kerja melebihi 90%; dan

3) Pemangkin Ekosistem (Rekabentuk & Pembangunan dan Inkubasi)

Penyediaan *Silicon Research and Incubation Space* di GBS TechSpace sebagai pusat sehenti yang menawarkan perkhidmatan rundingan, ruang kerja kolaboratif dan akses kepada perisian *Electronic Design Automation* (EDA), *Multi-Project Wafer* (MPW), pembekal *Intellectual Property* (IP) dan kepakaran teknikal bagi penyediaan *New Product Introduction* (NPI).

Pelaksanaan inisiatif ini telah meningkatkan jumlah syarikat reka bentuk cip (IC Design) di Pulau Pinang daripada sekitar 20 buah syarikat pada tahun 2024 kepada lebih 45 buah syarikat pada tahun 2025. Terdapat tujuh (7) buah syarikat tempatan telah dikenal pasti sebagai penerima manfaat utama inisiatif ini iaitu Filpal, Infinecs Lab, Silicon X, SkyeChip, Sophic Automation, Channel Microsystems dan Tenasic Technology.

Daripada tujuh (7) buah syarikat ini, terdapat dua (2) buah syarikat tempatan yang menonjol dengan pencapaian tersendiri iaitu SkyeChip telah memperkenalkan dua teknologi cip canggih, iaitu *High Bandwidth Memory* (HBM3E) untuk aplikasi kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan dan teknologi *Network-on-Chip* (NoC) yang

meningkatkan kecekapan cip dalam sistem automotif, peranti pintar dan AI. Manakala, Silicon X pula sedang membangunkan cip proprietari tempatan di bawah jenama Made by Malaysia.

(iii) Pembangunan Bakat Digital dan AI (Sektor Perkhidmatan)

Selaras pembangunan ekosistem *Global Business Services* (GBS) di Pulau Pinang, InvestPenang turut mempergiat inisiatif pembangunan tenaga kerja digital melalui program latihan bersasar dalam bidang GBS dan AI. Berikut adalah program yang dilaksanakan iaitu:

1) *Penang GBS Industry Academy* (PGIA) 1.0

Akademi ini telah dilancarkan pada tahun 2022 bertujuan untuk melatih semula tenaga kerja dalam bidang teknologi GBS. Sehingga kini, PGIA telah melatih lebih daripada 1,105 peserta melibatkan 40 kursus berteknologi tinggi. Ini sekali gus membuktikan keberkesanan pendekatan berasaskan industri dalam melahirkan bakat digital yang kompeten;

2) *PGIA 2.0: #GenAI Talent Readiness (2025)*

Fasa kedua ini memberi tumpuan khusus kepada pembangunan bakat dalam bidang Kecerdasan Buatan Generatif (Generative AI) termasuk *Machine Learning*, *Deep Learning* dan *Large Language Models* (LLMs). Menjelang akhir tahun 2025, PGIA 2.0 dijangka melatih sekurang-kurangnya 100 peserta yang bersedia menghadapi cabaran serta peluang baharu dalam sektor AI.

Secara kesimpulannya, langkah-langkah strategik ini mencerminkan pendekatan proaktif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melindungi ekonomi negeri,

menyokong kelangsungan perniagaan dan mengekalkan keyakinan pelabur secara berterusan.

Kerajaan Negeri memerlukan masa untuk memuktamadkan mekanisme pelaksanaan yang efektif, berunding dengan pihak berkepentingan utama serta memastikan penjajaran menyeluruh antara agensi-agensi pelaksana.

Namun, Pulau Pinang tidak boleh dan tidak seharusnya menghadapi cabaran ekonomi global secara bersendirian. Oleh itu, sokongan serta kerjasama erat daripada Kerajaan Persekutuan amat diperlukan bagi memastikan keberhasilan pelaksanaan semua inisiatif yang diterajui oleh Kerajaan Negeri, khususnya dalam memastikan ekosistem pelaburan negeri terus mampan dan berdaya saing.

- (a) Berdasarkan semakan semasa, tiada dokumen rasmi yang dikenali sebagai Pelan Strategik Ekonomi Pulau Pinang 2030. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif strategik untuk menyemak semula dasar pelaburan dan pembangunan ekonomi negeri bagi menyesuaikan Pulau Pinang dengan perubahan dinamik ekonomi global. Penyesuaian ini bertujuan memastikan Pulau Pinang kekal kompetitif, berdaya tahan dan menarik pelaburan bernilai tinggi pada peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Pelan Induk Ekonomi Digital Pulau Pinang 2025–2030 (DEMP) yang mana merupakan manifestasi utama penyesuaian dasar pelaburan ini. Demp dirangka sebagai satu pelan menyeluruh yang bertujuan memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab digital dan teknologi tinggi utama di Asia Tenggara menjelang tahun 2030. Pelan ini menekankan keperluan transformasi ekonomi negeri ke arah ekonomi berasaskan teknologi, inovasi dan tenaga kerja berkemahiran tinggi, sejajar dengan trend global seperti Revolusi Industri 4.0, automasi dan digitalisasi ekonomi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

9. Apakah bentuk sokongan baharu yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi seperti InvestPenang, Digital Penang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi membantu usahawan tempatan, koperasi dan perusahaan mikro untuk berkembang dalam pasaran digital dan antarabangsa?
- (a) Bagaimana Kerajaan Negeri menilai keberkesanan program sedia ada dalam meningkatkan pendapatan isi rumah B40 dan M40?

**YB DATO' HJ. RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui InvestPenang, Digital Penang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) terus memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri bagi membantu usahawan tempatan, koperasi dan perusahaan mikro memperluas keupayaan mereka ke pasaran digital dan antarabangsa. Langkah ini dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif bersasar yang memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran digital, penyediaan prasarana perniagaan moden serta pembinaan ekosistem teknologi yang mampan.

Antara bentuk sokongan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi seperti InvestPenang, Digital Penang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi membantu usahawan tempatan, koperasi dan perusahaan mikro untuk berkembang dalam pasaran digital dan antarabangsa adalah seperti berikut:

**(i) Memperkasa Kemahiran Digital dan Tenaga Kerja Tempatan**

Melalui InvestPenang, Kerajaan Negeri memperkenalkan Penang GBS Industry Academy (PGIA) – sebuah usaha sama dengan MDEC, GBS Focus Group Pulau Pinang dan Penang Skills Development Centre (PSDC). PGIA bertujuan melahirkan dan mengekalkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor digital dan teknologi, termasuk bidang *data science*, *software development* dan *cybersecurity*.

Sejak dilancarkan pada November 2022, lebih 1,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi telah dilatih melalui lebih 40 modul latihan. Susulan kejayaan tersebut, PGIA 2.0 – #GenAI Talent Readiness telah dilancarkan pada Mei 2025, dengan tumpuan kepada latihan dalam *Generative AI*, *Machine Learning* dan *Large Language Models (LLMs)*, dijangka melatih sekurang-kurangnya 100 profesional digital sepanjang tahun ini.

Selain itu, InvestPenang turut menganjurkan talent *Outreach* dan *Penang Career Discovery Day*, platform tahunan yang mempertemukan pelajar universiti, graduan serta profesional muda dengan syarikat industri digital, termasuk peluang bagi wanita yang kembali bekerja.

**(ii) Penyediaan Prasarana Perniagaan dan Ekosistem Digital**

Kerajaan Negeri melalui PDC dan InvestPenang memastikan pembangunan prasarana digital di bawah inisiatif Malaysia Digital (MD) sebagai kesinambungan kepada program MSC dan *Penang Cybercity*. Antara kemudahan utama yang telah dibangunkan ialah GBS@Mayang, GBS@Mahsuri, GBS By The Sea dan GBS TechSpace, melibatkan lebih 500,000 kaki persegi ruang niaga digital.

Projek baharu GBS@Technoplex yang sedang dirancang akan menambah 400,000 kaki persegi lagi ruang pejabat dan perniagaan, sekali gus memperkukuh kedudukan Pulau

Pinang sebagai hab perkhidmatan digital dan keusahawanan teknologi.

**(iii) Pemerkasaan Ekosistem Teknologi – Penang Silicon Design @5KM+**

Selaras dengan *National Semiconductor Strategy (NSS)*, Kerajaan Negeri melalui InvestPenang melaksanakan inisiatif *Penang Silicon Design @5KM+* bagi memperkukuh industri reka bentuk cip dan semikonduktor tempatan. Inisiatif ini merangkumi:

- *Penang IC Design & Digital Park*;
- *Penang Chip Design Academy*; dan
- *Silicon Research & Incubation Space* di GBS TechSpace.

Program ini dijangka melahirkan 10 syarikat tempatan baharu, mewujudkan 10,000 pekerjaan bernilai tinggi serta melatih 500 jurutera tempatan dalam tempoh lima tahun. Syarikat yang layak turut menerima insentif sehingga RM2 juta setahun selama tiga tahun, termasuk subsidi latihan, sewaan ruang pejabat, utiliti, penggunaan *EDA tools*, *IP licensing* dan kemudahan *Multi-Project Wafer (MPW)*.

**(iv) Platform Sokongan Strategik – GBS 2.5 Series dan GBS Focus Group**

InvestPenang menubuhkan GBS Focus Group (GFG) sebagai platform penasihat industri bagi mengenal pasti keperluan semasa sektor GBS serta memperkukuh hubungan antara kerajaan, industri dan akademia. Selain itu, Program GBS 2.5 Series dijalankan sebagai platform strategik untuk meneroka teknologi baharu seperti automasi, *Generative AI*, analitik data dan kewangan digital. Melalui kedua-dua platform ini, usahawan tempatan, koperasi dan perusahaan mikro diberi ruang membina rangkaian, menyesuaikan model perniagaan serta meneroka peluang pasaran digital dan antarabangsa.

**(v) Pembangunan Usahawan Mikro dan Bumiputera oleh PDC**

Selain Skim Pinjaman Harapan (SPH) dan kursus keusahawanan, PDC sedang melaksanakan tiga projek utama bagi menyokong pembangunan usahawan mikro dan bumiputera iaitu:

- *Waterfront Foodie @ Bayan Lepas* (siap November 2025);
- Kompleks Usahawan di Bandar Cassia (siap suku keempat 2027); dan
- Unit Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Penang Science Park North (siap suku keempat 2026).

Projek ini menyediakan ruang niaga, kemudahan latihan dan inkubasi untuk usahawan tempatan serta perusahaan kecil dan sederhana.

**(vi) Inisiatif Digital Penang**

Digital Penang memperluas *Market Access Programme* yang membawa syarikat pemula teknologi dan perusahaan mikro kecil sederhana (PMKS) ke pasaran antarabangsa. Sebagai contoh, syarikat ADA Biotech yang ditaja ke *Techsauce Thailand 2024* berjaya memenangi *Techsauce Innovation Award*. Pada tahun 2025, 10 syarikat tempatan dibawa ke Thailand bagi kolaborasi dan perkongsian pasaran antarabangsa.

Selain itu, melalui *MSME Level Up (MELUP) Programme*, 20% peserta mencatatkan peningkatan hasil sekurang-kurangnya 40% selepas tamat program, menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan strategi pemasaran, kecekapan operasi dan penggunaan teknologi digital secara mampan.

- (a) Penilaian keberkesanan program dilaksanakan secara berterusan oleh agensi pelaksana seperti InvestPenang, Digital Penang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melalui laporan prestasi tahunan, maklum balas peserta serta pemantauan hasil

pelaksanaan program masing-masing. Antara pencapaian yang direkodkan termasuk:

- (i) Lebih 1,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi dilatih melalui *Penang GBS Industry Academy (PGIA)* sejak tahun 2022;
- (ii) Pewujudan 4,000 hingga 5,000 peluang pekerjaan baharu hasil pembangunan fasiliti GBS di Pulau Pinang;
- (iii) Sasaran untuk melatih 500 jurutera tempatan dan melahirkan 10 syarikat tempatan baharu melalui inisiatif *Penang Silicon Design @5KM+*;
- (iv) Peningkatan hasil sebanyak 40% dalam kalangan 20% peserta selepas menamatkan *MSME Level Up (MELUP) Programme*; dan
- (v) Peningkatan penyertaan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), profesional muda dan wanita kembali bekerja melalui program *Penang Career Discovery Day*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

10. Apakah inisiatif terkini yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memperkukuh peluang pekerjaan untuk golongan belia dan graduan baharu, terutamanya dalam sektor teknologi, perkhidmatan dan perusahaan sosial?
- (a) Berapakah jumlah graduan tempatan yang telah berjaya ditempatkan melalui program seperti *Penang Career Assistance & Talent Enhancement*?
- (b) Apakah kadar keberkesanannya?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kerjasama strategik dengan sektor industri dan pusat latihan seperti *Penang Skills Development Centre (PSDC)* sedang melaksanakan pelbagai program pembangunan bakat khususnya dalam sektor teknologi dan perkhidmatan melalui pelaksanaan pelbagai program peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan penyesuaian semula kemahiran (*reskilling*) yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran golongan belia dan graduan baharu. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:
- (i) *German Dual Vocational Training (GDVT)*

Program latihan kemahiran dalam bidang Mekatronik dan *Precision Machining* berasaskan model Jerman, menggabungkan 70% latihan industri dan 30%

pembelajaran di PSDC. Program ini menawarkan prospek penyerapan kerja dengan gaji kompetitif;

(ii) *Penang Chip Design Academy (PCDA)*

Program *upskilling* dalam bidang reka bentuk cip meliputi modul *Custom Layout, Design Verification, Physical Design* dan *Analog Design*. Peserta disalurkan terus ke industri semikonduktor bagi mengisi kekurangan bakat kritikal;

(iii) *Future Skills Talent Council (FSTC) - MyMahir TalentCorp*

Program peningkatan kemahiran belia dan graduan dalam bidang strategik seperti Semikonduktor dan *Electrical & Electronic (E&E)* yang menghubungkan peserta kepada pekerjaan bernilai tinggi serta menyokong pembangunan bakat masa hadapan negeri;

(iv) Program Peningkatan Kemahiran Industri Semikonduktor (PeKIS)

Inisiatif peningkatan kemahiran teknikal kepada graduan B40 dalam bidang teknologi semikonduktor. Program ini menyumbang kepada mobiliti sosial melalui peluang kerjaya stabil dalam industri berkemahiran tinggi di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP);

(v) *Program Upskilling Semiconductor – Zakat Pulau Pinang*

Program meningkatkan kemahiran asnaf dan golongan berpendapatan rendah dalam bidang operasi semikonduktor, membuka peluang pekerjaan dengan gaji permulaan kompetitif serta meningkatkan taraf sosioekonomi peserta.

Bagi memperkukuh penglibatan golongan belia dan graduan baharu dalam sektor perusahaan sosial pula, pembangunan secara holistik perlu menyentuh aspek keusahawanan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam menjalankan inisiatif

pemantapan bidang keusahawanan melalui inisiatif seperti yang berikut:

1) Dana Pembangunan Belia (DPB)

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) menawarkan dana yang boleh dimohon oleh persatuan atau pertubuhan belia yang berdaftar dan beralamat di Pulau Pinang. Dana ini berfungsi sebagai geran awal untuk membantu pertubuhan belia melaksanakan program atau projek termasuklah projek perintis keusahawanan sosial yang berasaskan komuniti. Pelbagai sumber pembiayaan lain turut tersedia untuk diterokai oleh para belia dan graduan baharu;

Program Pembangunan Keusahawanan *Youth Entrepreneurship Challenge* - YEC

PYDC juga telah menjalankan program pertandingan keusahawanan yang komprehensif untuk memperkasakan belia di Negeri Pulau Pinang agar menjadi usahawan yang lebih berdaya saing dan dinamik. Pertandingan keusahawanan yang dahulunya dijalankan di peringkat negeri kini dilaksanakan terlebih dahulu di peringkat daerah bagi memberi lebih banyak peluang penyertaan kepada peserta dari seluruh pelosok negeri termasuk kawasan luar bandar. Platform ini adalah ruang untuk para belia mencabar diri, berkongsi idea perniagaan inovatif dan seterusnya membangunkan idea tersebut menjadi realiti melalui bimbingan dan pementoran;

2) Sokongan Ekosistem Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

Usaha yang dijalankan bagi menyokong ekosistem PMKS adalah melalui program latihan kemahiran dan keusahawanan yang bertujuan meningkatkan kemahiran pengurusan, pemasaran, dan operasi perniagaan. Antara program yang berkaitan adalah

Kursus Asas Keusahawanan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) dan Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER). Sokongan ekosistem PMKS yang positif ini akan melahirkan belia yang kompeten dan berdaya saing; dan

3) Latihan Pemasaran Digital dan Pementoran

Seiring dengan kemajuan teknologi, kursus pemasaran digital dianjurkan oleh pelbagai agensi negeri melalui program seperti Bengkel Pemasaran Digital yang disokong oleh Zakat Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) serta *Women Entrepreneurs Mentoring Programme* (PenMentor) anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Selain itu, terdapat juga pelbagai program dan latihan komprehensif yang ditawarkan oleh pihak Digital Penang.

Secara keseluruhan, inisiatif Kerajaan Negeri yang dijalankan memberi tumpuan kepada penerapan minda belia kelas pertama dan memantapkan kemahiran dalam bidang teknologi, perkhidmatan dan perusahaan sosial sekaligus membuka peluang pekerjaan yang lebih luas.

- (a) Berkenaan jumlah graduan tempatan yang telah berjaya ditempatkan melalui program seperti *Penang Career Assistance & Talent Enhancement*, PSDC terus memainkan peranan aktif dalam menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pembangunan bakat tempatan yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran golongan belia dan graduan baharu.

Pada tahun 2024 dan 2025, sebanyak 132 orang graduan tempatan telah mengikuti program latihan *upskilling* dan *reskilling* di bawah beberapa program utama yang dilaksanakan di PSDC. Daripada jumlah tersebut, 99

orang peserta telah bekerja dan mendapat penempatan pekerjaan (baki peserta masih menjalani latihan).

Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi kerajaan dan rakan industri, khususnya dalam bidang teknologi semikonduktor bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir yang semakin meningkat di sektor berteknologi tinggi Negeri Pulau Pinang.

- (b) Kadar keberkesanan program yang *Penang Career Assistance & Talent Enhancement* menunjukkan trend peningkatan kadar keberkesanan daripada 85% kepada 88% dari tahun 2024 hingga tahun 2025. Angka tersebut membuktikan kualiti pelaksanaan latihan yang semakin mantap dan berjaya memperkukuh kebolehpasaran peserta.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

11. Apakah langkah yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta dan kesesakan jalan di kawasan Flat Hamna, Jalan Helang dan sekitar Sungai Dua yang semakin meruncing?
- (a) Apakah bentuk kerjasama antara MBPP dan JKR dalam menambah baik sistem lalu lintas di kawasan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta (TLK) di kawasan Sungai Dua adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan rondaan untuk membasmi parkir haram terutamanya di tepi jalan utama, laluan kecemasan dan kawasan sempit. Tindakan saman atau tundaan kenderaan kerap dilakukan bagi kenderaan yang menghalang lalu lintas atau diletakkan di luar petak tempat letak kenderaan;
  - (ii) Melancarkan aplikasi *PEARL* atau *Penang Smart Parking* bagi memudahkan pengguna dan pihak MBPP untuk mengawal penggunaan petak parkir awam dengan lebih efisien;

- (iii) Mengambil inisiatif untuk menukar kawasan tertentu seperti Lorong Helang kepada parkir selari atau bersilang bergantung kepada kelebaran jalan. Ini bagi memaksimumkan ruang sedia ada dan melancarkan lagi aliran trafik;
- (iv) Menyediakan sebanyak 139 petak tempat letak kenderaan awam di kawasan sekitar Flat Hamna iaitu di Lorong Helang 1, Lorong Helang 2 dan Lorong Helang 3;
- (v) Melalui Kebenaran Merancang Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sungai Dua, telah disyaratkan di dalam kelulusan Laporan Kajian Impak Lalu Lintas (TIA) untuk pembinaan dan penyambungan Jalan Helang;
- (vi) Merujuk kepada Garis Panduan Bagi Penggunaan Tanah Lapang Sedia Ada Di Dalam Kawasan MBPP, dataran di dalam kawasan lapang yang tidak melebihi 10% dari kawasan lapang dengan keluasan maksimum 1,000 kaki persegi adalah dicadangkan untuk kegunaan alternatif sebagai tempat letak kenderaan pada waktu malam supaya dapat mengatasi masalah tersebut;
- (vii) Berdasarkan Garis Panduan Tempat Meletak Kenderaan, pemajuan kediaman Rumah Mampu Milik (RMM) telah disyaratkan penyediaan satu (1) unit kediaman kepada satu (1) petak tempat letak kenderaan dan tambahan 10% tempat letak kenderaan untuk pelawat. Manakala, rumah pangsa disyaratkan satu (1) unit kediaman kepada dua (2) petak tempat letak kenderaan dan tambahan 10% tempat letak kenderaan untuk pelawat;
- (viii) Bagi cadangan pemajuan baharu, podium berbilang tingkat untuk tempat letak kenderaan adalah dibenarkan dengan syarat pemaju menyediakan *alternative ramp* atau *speed ramp*;
- (ix) Pelaksanaan jalan sehala di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan telah dilaksanakan dan akan diteruskan seperti di Lorong Nipah 4 dan Lorong Nipah 6, Lorong Helang 1 dan Jalan Khidmat, Jalan Sungai Dua (*Yellow House*);

- (x) Mengenakan syarat kepada pihak pemaju untuk melebarkan Jalan Sungai Dua kepada empat (4) lorong lalu lintas iaitu di antara Jalan Pekaka 1 dan Lengkok Nipah bagi melancarkan aliran lalu lintas;
  - (xi) Cadangan mewujudkan persimpangan *Left In, Left Out* (LILO) di persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Batu Uban dan persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Sungai Dua serta mewujudkan dua (2) buah pusingan 'U' di Jalan Sultan Azlan Shah iaitu di hadapan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
  - (xii) Menambah baik perfungsi sistem lampu isyarat di kawasan Batu Uban dengan menyelaraskan lampu isyarat di Jalan Sungai Dua dari persimpangan USM sehingga ke Jalan Sultan Azlan Shah;
  - (xiii) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan *green wave* di Jalan Sungai Dua dan Jalan Bukit Gambir;
  - (xiv) Memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. CCTV sedia ada akan dinaik taraf dengan menggunakan sistem analisis video (*video analytic*) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam; dan
  - (xv) Dua (2) buah stesen Transit Aliran Ringan (LRT) baharu akan dibina berhampiran persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Sungai Dua dan Jalan Batu Uban. Projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ini dijangka dapat mengurangkan kesesakan secara signifikan apabila siap kelak.
- (a) Kerjasama antara MBPP dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah penting dalam usaha menambah baik sistem lalu lintas di kawasan tersebut. Bentuk kerjasama ini melibatkan perkongsian maklumat

berkaitan kajian trafik, pelan pengurusan lalu lintas serta projek-projek jalan utama, bagi memastikan tindakan di peringkat tempatan selaras dengan rangka kerja pembangunan infrastruktur di peringkat negeri dan nasional.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

12. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan semua projek pembangunan baharu di sekitar Penang World City dilaksanakan dengan mengambil kira kesan kepada trafik, saliran dan kesejahteraan penduduk sedia ada?
- (a) Adakah kajian penilaian impak lalu lintas (TIA) dan saliran telah dilaksanakan bagi projek-projek berdekatan?
  - (b) Bagaimana memastikan pemaju mematuhi syarat sebelum kelulusan dikeluarkan?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Bagi memastikan semua projek pembangunan baharu di sekitar Penang World City dilaksanakan dengan mengambil kira kesan kepada trafik, saliran dan kesejahteraan penduduk sedia ada, sewaktu di peringkat Permohonan Kebenaran Merancang akan disyaratkan untuk penyediaan dan kelulusan Laporan Kajian Impak Lalu lintas (TIA), Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA).
- (a) Laporan TIA bagi Pelan Induk Projek Pembangunan Penang World City telah diluluskan pada 08 Mei 2023. Manakala bagi aspek berkaitan saliran, Laporan EIA bertajuk '*Proposed Land Reclamation For Mixed Coastal Development For The Penang World City at Bayan Mutiara*' telah diluluskan bersyarat oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 17 Februari 2020.

- (b) Terdapat kawalan pembangunan ketat bagi memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat sebelum kelulusan dikeluarkan. Antaranya adalah:
- (i) Proses cadangan pemajuan - Setiap permohonan pelan pembangunan akan melalui beberapa peringkat kelulusan termasuk Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Sijil Kebenaran Mula Kerja (COW) dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Pemaju yang mematuhi semua syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan untuk kelulusan;
  - (ii) Pengesahan daripada agensi teknikal berkaitan - Ulasan daripada setiap agensi teknikal adalah diperlukan semasa Permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dan diproses. Permohonan Kebenaran Merancang akan diluluskan setelah mendapat pengesahan pematuhan daripada kesemua agensi teknikal yang berkaitan; dan
  - (iii) Penetapan syarat dalam Kebenaran Merancang - Syarat-syarat teknikal yang dikenakan ke atas cadangan pemajuan akan dimasukkan ke dalam Kebenaran Merancang. Pemaju perlu mematuhi setiap syarat yang dikenakan sebelum ke peringkat kelulusan Pelan Bangunan dan seterusnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

13. Apakah usaha dan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri serta JKR bagi mengatasi masalah longkang tersumbat dan banjir kilat di kawasan Minden Heights, Sungai Dua dan Bukit Jambul?
- (a) Adakah projek naik taraf sistem perparitan utama di Jkawasan ini termasuk dalam Rancangan Tebatan Banjir (RTB) negeri?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Antara usaha yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah longkang tersumbat dan banjir kilat di kawasan Minden Heights, Sungai Dua adalah pelaksanaan projek pembaikan / naik taraf longkang dan sistem perparitan. Kerja-kerja pembersihan serta pembesaran saluran dan longkang setempat telah dilaksanakan di beberapa lokasi yang bermasalah seperti di Changkat/ Jalan Minden (Jalan 3,5,7) untuk mengurangkan kejadian banjir kilat. Peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir kilat ini adalah sebanyak RM1.2 juta melalui peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS).
- (a) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah merancang pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Dua Besar, Pulau Pinang yang akan memberi fokus kepada kawasan Sungai Dua.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

14. Berapakah jumlah peruntukan penyelenggaraan longkang, parit dan pejalan kaki yang diluluskan bagi KADUN Batu Uban bagi tahun 2024 hingga 2025?
- (a) Berapa jumlah projek penyelenggaraan kecil (minor works) yang telah siap dan yang masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah tempoh tahun semasa?
- (b) Apakah kriteria utama yang digunakan dalam menentukan keutamaan lokasi penyelenggaraan?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Jumlah peruntukan penyelenggaraan longkang, parit dan pejalan kaki yang diluluskan bagi Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban bagi tahun 2024 sehingga 2025 adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN LONGKANG, PARIT DAN PEJALAN KAKI (RM)</b>
2024	3,617,000.00
2025	1,564,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>5,181,000.00</b>

- (a) Terdapat empat (4) buah projek di bawah tanggungjawab pihak Jabatan Kerja Raya dan lima (5) buah projek di

bawah tanggungjawab pihak Jabatan Pengairan dan Saliran bagi projek penyelenggaraan kecil (minor works) yang telah siap dan yang masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah tempoh tahun semasa.

- (b) Kriteria utama yang digunakan dalam menentukan keutamaan lokasi penyelenggaraan adalah seperti berikut:-
- (i) Pemantauan teknikal oleh kakitangan termasuk aduan yang diterima daripada orang awam dan pihak berkepentingan (stakeholders). Semua dapatan tersebut akan diperhalusi bagi menentukan lokasi dan jenis kerja yang perlu diutamakan;
  - (ii) Pemantauan berkala mengikut zon dan jenis infrastruktur (jalan, parit, bahu jalan, lampu jalan, papan tanda trafik dan sebagainya). Tujuan pemantauan ini adalah untuk mengenal pasti kerosakan lebih awal agar kerja pembaikan dapat dijalankan secara proaktif tanpa menunggu aduan awam;
  - (iii) Penilaian kos projek, tempoh pelaksanaan dan kesan terhadap keselamatan serta kesejahteraan awam. Keutamaan diberikan kepada lokasi yang memberi impak besar terhadap keselamatan, aliran trafik dan sosioekonomi penduduk setempat;
  - (iv) Penilaian tahap risiko banjir di kawasan yang sering mengalami banjir atau mempunyai sejarah banjir kilat diberi keutamaan tertinggi dalam memastikan keselamatan dan kesihatan awam didahulukan; dan
  - (v) Pemantauan keadaan fizikal sungai atau saluran yang berisiko menyebabkan paras kelodak, tumbuhan liar atau halangan seperti sampah dan struktur runtuh yang menghalang aliran air. Kejadian ini juga akan menyebabkan air bertakung (berisiko denggi) dan hakisan serta tebing runtuh yang perlu diberi keutamaan tinggi dalam menentukan kriteria penyelenggaraan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

15. Apakah statistik semasa berkaitan kes penyalahgunaan dadah dan penagihan baharu di Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025?
- (a) Apakah langkah pencegahan serta pemulihan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan seperti AADK dan JKM?
- (b) Apakah daerah yang dikenal pasti sebagai *hotspot* kes dadah tertinggi?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Statistik semasa berkaitan kes penyalahgunaan di Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kes Penyalahgunaan Dadah</b>
2023	9,735
2024	14,452
2025 (Sehingga Oktober)	8,180
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>32,367</b>

- (a) Langkah pencegahan serta pemulihan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan adalah seperti mengenalpasti kawasan berisiko penyalahgunaan dadah dengan menganalisis data kawasan *hotspot* dan laporan daripada Skwad Anti Dadah.

Pihak Berkuasa akan menggunakan data penagihan dadah, bilangan klien, individu yang disyaki serta penagih baharu untuk menentukan kawasan berisiko tinggi khususnya yang melibatkan golongan belia. Skwad Anti Dadah yang diwujudkan juga akan menjadi 'mata-mata' bagi memerhati kawasan baharu *hotspot* penagihan dadah.

Beberapa inisiatif lain juga telah dilaksanakan antaranya adalah seperti pelaksanaan program Kem Belia, Skwad Anti Dadah yang membawa pendedahan bahaya dadah kepada belia dan penggunaan media sosial sebagai platform utama dalam membentaras penyalahgunaan serta jenayah dadah.

- (b) Berdasarkan statistik terkini sehingga 31 Mac 2025, Daerah Timur Laut mencatatkan kes tertinggi berkaitan penyalahgunaan dadah sebanyak 2,219 kes, diikuti daerah Seberang Perai Utara sebanyak 2,203 kes.

Bagi daerah-daerah lain mempunyai kadar sebanyak 2,000 kes dan kebawah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

16. Senaraikan jumlah peruntukan yang telah diluluskan di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang untuk kawasan DUN Batu Uban bagi tahun 2024 hingga 2025.
- (a) Bagaimana tahap pencapaian kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan?
  - (b) Apakah mekanisme pemantauan yang digunakan untuk memastikan kerja penyelenggaraan dilaksanakan dengan kualiti yang memuaskan dan mengikut tempoh masa ditetapkan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Peruntukan yang telah diluluskan di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% (TPM80PP) bagi kawasan DUN Batu Uban bagi tempoh tahun 2024 sehingga Oktober 2025 adalah sebanyak RM3,044,252.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Juta Empat Puluh Empat Ribu Dua Ratus Lima Puluh Dua Sahaja) yang melibatkan sebanyak 13 projek. Perincian projek yang telah diluluskan adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan adalah memuaskan. Semua projek telah dilaksanakan mengikut jadual serta mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Bagi projek yang masih dalam pelaksanaan, pemantauan secara berkala dilaksanakan bagi memastikan kerja-kerja

penyelenggaraan dijalankan mengikut spesifikasi teknikal dan skop kerja yang telah diluluskan oleh pihak pentadbiran.

- (b) Mekanisme pemantauan dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan melalui pelbagai pendekatan, seperti pemeriksaan tapak secara berkala oleh pegawai teknikal serta semakan laporan kemajuan kerja yang dikemukakan oleh kontraktor. Selain itu, penilaian kualiti hasil kerja oleh pegawai teknikal turut diambil kira bagi memastikan setiap kerja penyelenggaraan mematuhi tahap kualiti yang ditetapkan serta disiapkan dalam tempoh masa yang dirancang.

LAMPIRAN A

PROJEK TPM80PP TAHUN 2024 DI KADUN BATU UBAN

BIL	PERKARA	AMAUN KERJA	SKOP KERJA
1	KERJA-KERJA NAIK TARAF SISTEM PERPAIPAN DAN PEMBAIKAN SATU (1) UNIT TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI BLOK 9, TAMAN JUBILEE 3, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM288,500.00	SIVIL
2	KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN MENUKAR SISTEM KAWALAN UTAMA, MENUKAR MAIN SHEAVE DAN MAIN ROPE, MENUKAR ENCODER, MENUKAR HALL CALL BUTTON DAN COP SERTA SISTEM PENDAWAIAAN ELEKTRIK DI EMPAT (4) UNIT LIF DI PANGSAPURI MUTIARA INDAH, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM352,000.00	LIF
3	KERJA-KERJA MENUKAR MAIN BOARD LIF, GOVERNOR ROPE, CAR OPERATING PANEL DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI DUA (2) UNIT LIF DI TAMAN UTAMA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM195,552.00	LIF

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	AMAUN KERJA	SKOP KERJA
4	KERJA-KERJA MENUKAR MAIN CONTROLLER, CAR OPERATING PANEL, CAR DOOR CONTROLLER SYSTEM DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI DUA (2) UNIT LIF DI U-GARDEN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM340,000.00	LIF
5	KERJA-KERJA PEMBAIKAN TIGA (3) UNIT TANGKI AIR YANG BOCOR SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI DESA BESTARI BLOK B, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM114,000.00	SIVIL
6	KERJA-KERJA PEMBAIKAN DUA (2) UNIT TANGKI AIR YANG BOCOR SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI VILLA SRI KENANGA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM80,100.00	SIVIL
7	KERJA-KERJA PEMBAIKAN ENAM (6) UNIT LIF DI E-PARK, JALAN BATU UBAN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM326,000.00	LIF
8	KERJA-KERJA PEMBAIKAN EMPAT (4) UNIT LIF SERTA NAIKTARAF SISTEM KAWALAN UTAMA DI TAMAN JADE VIEW, GELUGOR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM292,000.00	LIF

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	AMAUN KERJA	SKOP KERJA
9	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LAPISAN KALIS AIR (WATERPROOFING) SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI SUNWAY CERIA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM107,000.00	SIVIL
10	KERJA-KERJA NAIK TARAF DUA (2) UNIT TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN LIP SIN BLOK 5, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM160,100.00	SIVIL
11	KERJA-KERJA PEMBAIKAN EMPAT (4) UNIT TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JUBILEE SUITES 1, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM161,400.00	SIVIL
12	KERJA-KERJA NAIK TARAF SISTEM PERPAIPAN DAN PEMBAIKAN WATERPROOFING YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI BLOK D, DESA PERMAI INDAH, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM200,100.00	SIVIL
<b>JUMLAH TAHUN 2024</b>		<b>RM2,616,752.00</b>	

PROJEK TPM80PP TAHUN 2025 DI KADUN BATU UBAN

BIL	PERKARA	AMAUN KERJA	SKOP KERJA
1	KERJA-KERJA NAIK TARAF TIGA (3) UNIT LIF DI TAMAN BUKIL JAMBUL BLOKA, B & C, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM427,500.00	LIF

RUMUSAN	
JUMLAH PROJEK TAHUN 2024 & 2025	13
JUMLAH PERUNTUKAN 2024 & 2025	RM3,044,252.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

17. Apakah cadangan dan pelan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi pembangunan semula flat-flat lama yang telah berusia melebihi 40 tahun, khususnya yang menghadapi masalah struktur, penyelenggaraan dan kepadatan penduduk?
- (a) Berapakah jumlah flat lama yang dikenal pasti berpotensi untuk pembangunan semula (*redevelopment*)?
  - (b) Berapa banyak daripadanya yang berada di kawasan Pulau?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri (KN) melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sedang merangka pelan jangka panjang bagi pembangunan semula (*redevelopment*) flat-flat awam yang telah berusia melebihi 40 tahun khususnya yang menunjukkan tanda-tanda kemerosotan struktur, isu penyelenggaraan berulang dan kadar kepadatan penduduk yang tinggi.

Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) merupakan inisiatif KN untuk membangunkan semula kawasan penempatan yang terpinggir, usang dan tidak lagi ekonomik untuk didiami. Selain itu, Projek PSB ini adalah bertujuan untuk meningkatkan imej dan reka bentuk bandar serta kualiti hidup masyarakat bandar serta merupakan produk utama LPNPP di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2021–2025 dan Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2026–2030.

Projek PSB ini dilaksanakan berpandukan Garis Panduan PSB (Pembangunan Perumahan) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 9/2022 pada 20 September 2022 untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan perumahan Projek PSB di Negeri Pulau Pinang.

- (a) Pada masa kini, terdapat enam (6) skim perumahan/flat lama yang telah disenaraikan sebagai Projek PSB melibatkan tanah milikan tunggal (*sole proprietor*) seperti *State Secretary, Penang State Secretary Incorporated* (SSI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (b) Pecahan enam (6) Projek PSB tersebut merangkumi tiga (3) projek di Bahagian Pulau dan tiga (3) projek di Bahagian Seberang Perai seperti berikut:
  - (i) PSB Mahsuri (2021) – 6.4 ekar (Pulau);
  - (ii) PSB Free School (2028) – 18.35 ekar (Pulau);
  - (iii) PSB Padang Tembak (2030) – 18.25 ekar (Pulau);
  - (iv) PSB Siakap (2023) – 5.5 ekar (Seberang Perai);
  - (v) PSB Mak Mandin (2022) – 12.67 ekar (Seberang Perai); dan
  - (vi) PSB Taman Mesra (2025) – 12.36 ekar (Seberang Perai).

Secara keseluruhannya, pelan jangka masa panjang ini bertujuan untuk memastikan pembangunan semula flat lama dapat dilaksanakan secara tersusun, mampan dan berpaksikan kebajikan penduduk asal sejajar dengan aspirasi KN untuk menjadikan kawasan perumahan awam lebih selamat, moden dan lestari.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

18. Berapakah bilangan RIBI di KADUN Batu Uban yang telah menerima bantuan melalui Tabung Peruntukan Khas RIBI?
- (a) Apakah status terkini projek (penyelenggaraan, pembinaan semula) bagi bantuan tersebut?
  - (b) Apakah status pemilikan tanah RIBI bagi projek pembangunan Penang World City?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui peruntukan Tabung Amanah dan Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) telah menyalurkan sebanyak RM560,000.00 kepada 12 buah RIBI di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban.
- (a) Perincian statistik peruntukan RIBI di KADUN Batu Uban serta status terkini bagi projek adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) Melalui pelan kelulusan Cadangan Pindaan Pelan Induk Pembangunan Perniagaan *Penang World City* yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.3/2022 pada 31 Mac 2022 terdapat lapan (8) plot RIBI yang diberi kelulusan di atas tanah tebus guna tersebut. Setakat ini, Jawatankuasa RIBI sedang mempertimbangkan kaedah yang paling berkesan bagi

penyerahan tanah tersebut kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tujuan pajakan dan pemberi milikan.

**LAMPIRAN A****PERUNTUKAN TABUNG AMANAH DAN PERUNTUKAN KHAS RUMAH IBADAT  
BUKAN ISLAM DI KADUN BATU UBAN DARI TAHUN 2018 HINGGA 2025**

<b>Nama RIBI</b>	<b>Agama</b>	<b>Tahun Kelulusan</b>	<b>Jumlah Kelulusan (RM)</b>	<b>Status Terkini</b>
Kuil Swamimalai Sri Muniswarar Alayam	Hindu	2018	50,000.00	Projek Siap
Kuil Sri Nagakanni Amman, Lorong Endah Taman Brown	Hindu	2018	50,000.00	Projek Siap
Kuil Sree Krishna Bahavan, Sungai Dua (Permohonan Pertama)	Hindu	2020	50,000.00	Projek Siap
Kuil Dewa Sri Muneesvarar Sungai Dua (Sri Jada Muneswarar Alayam)	Hindu	2023	50,000.00	Projek Siap
Persatuan Penganut Chi Yin Guan Dou Mu Gong Pulau Pinang	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Persatuan Penganut Dewa Koay Seng Ong Sungai Dua	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Tokong Dewa Hean Poh Tean, Sungai Dua	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Tokong Dewa Tai Hoo Tian Tua Gee Ya Peh, Sungai Dua	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Tokong Dewa Tai Seng Keong, Sungai Nibong	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Kuil Sree Krishna Bahavan, Sungai Dua (Permohonan Kedua)	Hindu	2024	20,000.00	Projek Siap
Pertubuhan Perayaan Yee Lan Seng Hooi	Tao	2024	50,000.00	Projek Dalam Pelaksanaan
Kuil Sri Veera Kaliyamman	Hindu	2025	40,000.00	Proses Pembayaran
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>			<b>560,000.00</b>	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

19. Klinik Kesihatan Sungai Dua dan Bukit Jambul.
- (a) Apakah kapasiti rawatan harian di klinik ini dan bilangan pesakit yang dilayan setiap hari?
  - (b) Apakah perancangan pengembangan fasiliti (contoh: bilik rawatan, peralatan, bilik menunggu) memandangkan pertumbuhan pesat penduduk?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. (a) Kapasiti rawatan harian Klinik Kesihatan Sungai Dua adalah sebanyak 250 pesakit, namun jumlah pesakit yang hadir ke klinik ini ialah 450 orang sehari.

Kapasiti rawatan harian di Klinik Kesihatan Bukit Jambul pula adalah sebanyak 180 pesakit. Namun begitu, jumlah pesakit yang hadir ke klinik ini mencecah 380 orang setiap hari.

- (b) Perancangan penambahbaikan fasiliti kesihatan di Klinik Kesihatan Sungai Dua adalah seperti berikut:
  - (i) Penambahbaikan laluan keluar dan masuk kenderaan menjadi sehalu dengan membuka satu pintu keluar kerana kemalangan sering berlaku di pintu utama;

- (ii) Bilik rawatan dan kecemasan serta bilik rekod kad pesakit akan dibesarkan; dan
- (iii) Membina bumbung (*awning*) di pintu masuk dan kaunter pendaftaran hingga ke pintu bilik kecemasan.

Manakala, penambahbaikan fasiliti kesihatan di Klinik Kesihatan Bukit Jambul adalah seperti berikut:

- (i) Membina bumbung (*awning*) tambahan di kawasan parkir ambulans dan parkir Orang Kurang Upaya (OKU);
- (ii) Memperluaskan dan menyusun semula ruang menunggu pesakit sedia ada; dan
- (iii) Memasang kipas gantung jenis *heavy-duty* di ruang menunggu pesakit.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

20. Apakah status terkini tanah lapang di kawasan KADUN Batu Uban, termasuk yang terletak di bawah seliaan MBPP?
- (a) Apakah pelan untuk memastikan tanah lapang ini terus dikekalkan sebagai kawasan rekreasi awam?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggazetkan tanah lapang tertentu sebagai zon hijau kekal bagi mengelak pembangunan komersial pada masa hadapan?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Sehingga kini terdapat sebanyak 35 buah tanah lapang di kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban dan daripada jumlah tersebut sebanyak 11 buah tanah lapang telah digazetkan.
- (a) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan yang jelas dalam memelihara dan melindungi tanah lapang di Pulau Pinang. Hal ini dizahirkan melalui dasar tanah lapang yang digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) yang menekankan kepentingan penyediaan, pemeliharaan dan perlindungan tanah lapang sebagai komponen penting dalam mewujudkan persekitaran hidup yang sihat, seimbang dan lestari.

Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Pulau Pinang (PMPP) telah merangka RSNPP2030 dengan mengambil kira keperluan tanah lapang di bawah Dasar Perancangan Utama (DPU 2.3) bagi

menyediakan kemudahan masyarakat yang mencukupi, berkualiti, berteknologi pintar dan mudah sampai kepada semua lapisan masyarakat.

Kerajaan Negeri telah memperhalusi DPU tersebut dengan mewujudkan Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP 2.3.4) iaitu memastikan penyediaan kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi mengikut hierarki dan taburan penduduk.

Berdasarkan DSP 2.3.4 ini, terdapat lima (5) langkah-langkah Pelaksanaan yang telah dirancang dan ditetapkan iaitu:

<b>Langkah-langkah Pelaksanaan</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
L2.3.4.1: Menetapkan Setiap Pembangunan Perumahan Kawasan Lapang Dan Rekreasi Sebanyak 10% Dari Keluasan Seluruh Negeri Pulau Pinang.	PMPP dan PBT
L2.3.4.2 : Memastikan Semua Kawasan Lapang Awam Diwartakan.	PMPP dan PBT
L2.3.4.3 : Menyediakan Kawasan Lapang Dan Kemudahan Rekreasi Yang Mencukupi Dan Bersesuaian Dengan Keperluan Masyarakat Tempatan.	PBT
L2.3.4.4 : Memperkukuh Peranan Perbadanan Kawasan Lapang Ke Arah Menjayakan Dasar Kawasan Lapang Negeri.	PMPP dan PBT
L 2.3.4.5: Mengekal, Menaik Taraf Dan Menyelenggara Kawasan Kemudahan Rekreasi Dan Taman Awam Utama.	PBT

- (b) Berdasarkan RSNPP2030 di bawah Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP) 2.3.4, antara langkah-langkah bagi pelaksanaan dasar tersebut adalah dengan memastikan semua kawasan lapang awam

diwartakan serta menyediakan kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat tempatan.

Dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah selari dengan dasar di peringkat Kerajaan Persekutuan melalui Ibu Pejabat PLANMalaysia iaitu menyasarkan penyediaan dua (2) hektar tanah lapang bagi setiap 1,000 penduduk. Pencapaian sasaran ini dipantau secara berkala oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) melalui laporan yang disediakan oleh PLANMalaysia Negeri selaku agensi penyelaras dasar tersebut.

Tanah lapang adalah termasuk dalam kategori yang ditakrifkan sebagai kawasan hijau sepertimana Rizab Hutan Simpan Kekal dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan perancangan guna tanah yang seimbang serta pelaksanaan langkah pemeliharaan dan perlindungan tanah lapang secara berterusan, agar pembangunan negeri dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan kesejahteraan penduduk dan kelestarian alam sekitar.

Tanah lapang dalam skim-skim pembangunan yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) adalah tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 2(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [AKTA 172] dan akan diwartakan sebagai kawasan hijau di bawah peruntukan Seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965 [AKTA 65]. Pewartaan tanah lapang ini merupakan salah satu langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mencapai sasaran penyediaan dua (2) hektar tanah lapang bagi setiap 1,000 penduduk, sebagaimana yang ditetapkan dalam RSNPP2030 serta selaras dengan sasaran di peringkat Kerajaan Persekutuan. Justeru itu, proses pewartaan ini akan dilaksanakan secara berterusan sehingga sasaran tersebut berjaya dicapai sepenuhnya dalam memastikan penyediaan tanah lapang mencukupi bagi menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat dan turut memperkukuh jaringan kawasan hijau di seluruh negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

21. Kawasan *hiking* di Bukit Jambul.

- (a) Pihak manakah yang bertanggungjawab secara rasmi untuk penyelenggaraan laluan termasuk aspek seperti pemangkasan pokok besar yang mengganggu laluan, pembaikan tangga batu, pemasangan dan penyelenggaraan papan arah serta penyelenggaraan tempat rehat?
- (b) Bagaimanakah tahap keselamatan dan pemantauan pengguna di kawasan tersebut?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan bajet khas?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Pihak yang bertanggungjawab bagi penyelenggaraan laluan ke trek *hiking* di Bukit Jambul adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).
- (b) Tahap keselamatan dan pemantauan pengguna di kawasan tersebut buat masa ini masih dalam keadaan baik dan akan dipantau oleh MBPP serta pihak bertanggungjawab yang lain dari masa ke semasa.
- (c) Tiada perancangan memandangkan kawasan tersebut akan dirancang sebagai kawasan penanaman/dusun

selari dengan rupa bumi dan fizikal kawasan berkaitan, akan tetapi Kerajaan Negeri mengambil sikap terbuka sekiranya terdapat cadangan yang bernas dan mampan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

22. Projek LRT Pulau Pinang.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan Zon Pembangunan Baharu (Transit-Oriented Development, TOD) di kawasan sekitar stesen-stesen utama LRT?
- (b) Apakah status pengambilan tanah dan penempatan semula penduduk yang terlibat dengan jajaran projek ini di KADUN Batu Uban?
- (c) Nyatakan status terkini projek.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Kerajaan Negeri telah membuat perancangan untuk mewujudkan Zon Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di beberapa stesen iaitu Stesen Tapak Pesta, Stesen Bandar Sri Pinang dan Stesen Penang Sentral. Pemajuan melibatkan pembangunan TOD akan merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Berorientasikan Transit (TOD) di Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa Jun 2024.

Seterusnya, kawasan Tapak Pesta Sungai Nibong telah dikenal pasti sebagai salah satu lokasi berpotensi bagi pembangunan TOD yang akan dirancang selaras dengan pembinaan stesen LRT dan depoh sekunder LRT di kawasan tersebut. Pada masa ini, Kerajaan Negeri dalam

perancangan untuk melantik perunding bagi merangka pelan pembangunan TOD berkenaan agar selaras dengan rancangan guna tanah dan keperluan sistem pengangkutan awam negeri.

- (b) Bagi urusan pengambilan tanah, perkara ini diselaraskan oleh Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan pada masa ini proses pengambilan sedang dijalankan termasuk sesi siasatan pengambilan terhadap tanah-tanah yang terlibat di bawah jajaran projek. Bagi kediaman yang terjejas, proses pengambilan tanah di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 sedang dijalankan dan penduduk yang terjejas akan diberi pampasan yang sewajarnya.

Sementara itu, bagi penduduk dan peniaga yang berada di atas tanah kerajaan, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTGPP) ini akan melaksanakan sesi siasatan (*hearing*) yang dijadualkan bermula pada bulan November 2025. Hasil siasatan ini akan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi mempertimbangkan hala tuju dan bentuk bantuan yang sesuai kepada pemilik struktur di kawasan tersebut.

- (c) Setakat ini, kontraktor sivil utama 1 (CMC 1) SRS Konsortium telah memulakan beberapa aktiviti awal pembinaan. Kerja-kerja pelebaran jalan telah dimulakan terlebih dahulu, diikuti dengan kerja-kerja penyiasatan tanah (*soil investigation*) di sepanjang pembahagi jalan (*road median*). Pada masa yang sama, kerja-kerja pemindahan utiliti juga sedang dijalankan di beberapa kawasan.

Selain itu, kerja-kerja cerucuk sudah dimulakan di beberapa lokasi utama termasuk Macallum, Bandar Sri Pinang, East Jelutong dan Kampung Baruh. Seterusnya, kerja-kerja cerucuk di kawasan Penang International Airport dan Sungai Tiram dijadualkan untuk dimulakan pada November 2025.

Selain daripada kerja-kerja awalan yang sedang rancak dijalankan di tapak, kerja-kerja rekabentuk dan senibina stesen juga sedang giat dilakukan.

Pada masa yang sama, iklan perolehan untuk kerja pembinaan jajaran segmen 2 (pakej CMC2) dari Stesen Macallum ke Penang Sentral telah dikeluarkan pada bulan Oktober 2025. Pakej ini merangkumi pembinaan *viaduct*, jambatan laut merentasi Selat Pulau Pinang dan pembinaan Stesen Penang Sentral.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

23. Mohon penjelasan mengenai projek Rumah Mampu Milik di atas Lot 20133 dan Lot 9117, MK 13, DTL, Sungai Dua.
- (a) Apakah status terkini kerjasama Hamna Sdn Bhd bersama CMI?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri menerima RFP / cadangan daripada mana-mana pemaju yang berminat untuk membangunkan tanah ini dan apakah keputusan Kerajaan Negeri?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Pada tahun 2019, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah meluluskan cadangan pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) di atas Lot 9117 dan Lot 20113, Mukim 13, Daerah Timur Laut (DTL) oleh Hamna Sdn. Bhd. (HSB).

Seterusnya, pada tahun 2021, HSB telah mengemukakan cadangan untuk melaksanakan pembangunan tersebut melalui usaha sama (*joint venture*) bersama Syarikat Citra Hartamas Sdn. Bhd. (CHSB). Cadangan ini telah dipersetujui oleh PBN bagi tujuan pemeteraian *Joint Development Agreement* (JDA).

Projek ini pada asalnya dijadualkan untuk dimulakan pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh penamatan kontrak oleh HSB terhadap pemaju asal iaitu

CHSB, maka berlakulah kelewatan terhadap pelaksanaan projek. Akibatnya, urusan pemeteraian JDA telah tertangguh dan kerja-kerja pembangunan tidak dapat dimulakan.

Kini, HSB telah mencadangkan pemaju baharu untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pelaksanaan Projek RMM tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diteliti semula dengan mengambil kira nilai tanah yang telah meningkat, terma dan syarat dalam JDA perlu diperhalusi dan dikaji semula serta perkara-perkara lain yang berkaitan sebelum sebarang keputusan dibuat oleh PBN.

- (b) Kerajaan Negeri telah menerima kertas cadangan daripada beberapa syarikat pemaju yang menyatakan minat untuk meneruskan pelaksanaan pembangunan di atas dua (2) lot tanah tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih belum dapat mempertimbangkan mana-mana cadangan luar sehinggalah keputusan muktamad dibuat berhubung hala tuju pelaksanaan Projek RMM ini di bawah HSB.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

24. Apakah statistik terkini kes kemurungan, cubaan bunuh diri dan kes trauma mental di negeri ini?
- (a) Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memperkukuh kesedaran kesihatan mental di sekolah?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan dana sokongan bagi menyalurkan kepada NGO untuk penganjuran program dan aktiviti berkenaan kesihatan mental?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Buat masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan agensi yang berkaitan tidak mempunyai data secara rasmi berkaitan jumlah terkini kes kemurungan, cubaan bunuh diri dan kes trauma mental di negeri ini namun, berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023, dianggarkan sekitar 1 juta rakyat Malaysia, bersamaan 4.6% daripada penduduk berumur 16 tahun ke atas, mengalami kemurungan. Angka ini menunjukkan peningkatan hampir dua kali ganda berbanding tahun 2019.

Kesihatan mental juga bukan isu yang hanya menjejaskan orang dewasa. NHMS 2023 turut melaporkan bahawa satu (1) daripada setiap enam (6) kanak-kanak berumur 5 hingga 15 tahun di Malaysia berdepan dengan masalah kesihatan mental.

- (a) Bagi memperkukuh kesedaran kesihatan mental di sekolah, institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun melaksanakan saringan dan penilaian kesihatan mental sebagai sebahagian daripada program berjadual yang dijalankan dari semasa ke semasa.

Data daripada saringan ini akan disemak oleh guru bimbingan dan kaunseling sekolah. Sesi kaunseling akan diberikan terlebih dahulu dan pelajar yang memerlukan perhatian lanjut akan dirujuk untuk penilaian perubatan.

- (b) Di peringkat negeri, sebuah Jawatankuasa Kesihatan Mental Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Belia dan Sukan Negeri telah ditubuhkan sejak tahun 2023 untuk menghimpun pelbagai agensi kerajaan, NGO, pakar hospital serta wakil penjagaan kesihatan primer bagi merancang dan menyelaraskan inisiatif berkaitan kesihatan mental di Negeri Pulau Pinang. Ahli jawatankuasa juga telah memulakan perbincangan dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi meneroka pelaksanaan program kesihatan mental yang bersesuaian di sekolah-sekolah.

Jawatankuasa ini terus berfungsi di bawah pimpinan JKNPP dan Pejabat EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri dalam memperluas pelaksanaan projek bersama yang bertujuan meningkatkan kesedaran serta intervensi berkaitan kesihatan mental di peringkat sekolah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

25. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan pelan digital Pulau Pinang 2030 berjaya diterjemahkan kepada rakyat?
- (a) Senaraikan program yang telah dilaksanakan.
  - (b) Apakah hala tuju terkini bagi tempoh 2025 hingga 2030 dan bagaimana ianya diselaraskan dengan strategi ekonomi negeri?
  - (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri memperluas manfaat ekonomi digital kepada komuniti luar bandar dan B40?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Pelan Induk Ekonomi Digital (Digital Economy Master Plan, DEMP) 2025-2030.
- (a) Antara program/projek yang telah dilaksanakan oleh Digital Penang di bawah empat (4) tonggak utama DEMP adalah seperti di **JADUAL 1**:

**JADUAL 1: PELAKSANAAN PROGRAM DEMP**

BIL.	PROGRAM/PROJEK	TONGGAK
1	Aplikasi MyKADUN	Kerajaan Digital
2	Pelacak ( <i>tracker</i> ) PANTAU	
3	StartupPenang500	Ekonomi Digital
4	Program pengkomersialan syarikat pemula ( <i>startup</i> ) teknologi keras ( <i>hardtech</i> ) dan teknologi mendalam ( <i>deeptech</i> )	
5	Geran akses pasaran	
6	Program akses pasaran	
7	MSME LevelUp Programme (MELUP)	
8	DahDigital	Komuniti Digital
9	Penang Internet Exchange (PIX)	Asas Digital

- (b) DEMP akan memberi tumpuan kepada usaha memperkasa ekonomi digital Pulau Pinang untuk semua dengan visi menjadikan Pulau Pinang sebagai hab digital terkemuka di Asia Tenggara yang memacu pertumbuhan melalui perusahaan berasaskan inovasi, masyarakat terhubung serta pentadbiran kerajaan digital yang efisien dan berdaya saing.

Pelan induk ini diselaraskan dengan aspirasi Penang2030 di mana DEMP boleh menjadi salah satu pemangkin kepada Tema B Penang2030, iaitu menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah. Penekanan utama diberikan kepada pembangunan industri kreatif dan perkhidmatan perniagaan untuk memacu pertumbuhan baharu yang mampu memperkukuh daya saing ekonomi negeri.

- (c) Digital Penang, melalui program komuniti digital seperti DahDigital telah memperluaskan capaian dan keberkesanan inisiatif komuniti dalam usaha mendekati pelbagai segmen masyarakat serta menggalakkan keterangkuman digital yang lebih menyeluruh.

Digital Penang kini sedang giat melaksanakan kelas-kelas digital di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dan Pusat Khidmat KADUN di seluruh negeri. Sehingga tahun 2025, lebih daripada 750 kelas digital telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada lebih 18,000 peserta termasuk komuniti luar bandar dan B40.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

26. Apakah KPI yang ditetapkan oleh MSN dalam melahirkan atlet berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa?
- (a) Apakah bentuk sokongan kewangan yang disediakan Kerajaan Negeri kepada persatuan sukan negeri dalam membantu pembangunan bakat muda di peringkat akar umbi?
  - (b) Apakah pelan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai hab sukan elektronik (E-Sport)?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dalam melahirkan atlet berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah memenangi pingat emas untuk negeri Pulau Pinang di Temasya SUKMA. Pada SUKMA 2026 misalnya, 37 sukan akan dipertandingkan. Setiap sukan yang disertai diminta untuk menyumbang sekurang-kurangnya satu pingat emas untuk negeri ini. Bagi sukan-sukan individu yang mempunyai banyak acara, mereka diminta untuk menyumbang lebih daripada satu pingat emas bagi memastikan sasaran berada di kedudukan tiga buah negeri terbaik secara keseluruhannya tercapai.
- (a) Sokongan Kewangan yang disediakan Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP)

kepada persatuan-persatuan yang bernaung di bawah MSNPP bagi memastikan kesinambungan pembangunan sukan bakat muda adalah dengan pemberian sejumlah geran peruntukan untuk mereka menjalankan kegiatan sukan serta penganjuran kejohanan yang akan disalurkan berdasarkan permohonan kepada MSN.

Selain daripada geran bantuan, MSN juga membantu dalam bayaran pelantikan elaun jurulatih sambilan/separuh masa bagi sukan-sukan teras. Selain itu, bantuan kewangan untuk bayaran sewaan pusat-pusat latihan juga diberikan oleh MSN bagi memastikan latihan atlet dapat terus dijalankan.

Melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Sukan juga, sejumlah RM350,000.00 telah disediakan kepada mana-mana persatuan sukan yang memerlukan peruntukan tambahan bagi membantu membangunkan sukan di negeri ini.

- (b) Buat masa kini, terdapat dua buah pusat sukan *E-Sport* iaitu di Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Seberang Perai Utara (SPU). Pelan jangka panjang Kerajaan Negeri adalah dengan mewujudkan pusat *E-Sport* di setiap daerah di Pulau Pinang dan meneruskan pembangunan bakat dengan kerjasama Persatuan Sukan Elektronik Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

27. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menaik taraf masjid dan surau khususnya di KADUN Batu Uban bagi tahun 2024 hingga 2025?
- (a) Senaraikan projek dan jumlah peruntukan mengikut pecahan masjid dan surau.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Bagi tahun 2024, tiada kerja-kerja pembaikan masjid dan surau dilaksanakan bagi kawasan KADUN Batu Uban. Walau bagaimanapun, pada tahun 2025 kerja-kerja menaik taraf tandas lelaki, wanita dan tempat wuduk telah dilaksanakan di Surau An-Nur, Lebuh Nipah dengan jumlah kos sebanyak RM114,080.00.
- (a) Senarai projek dan jumlah peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan kecil dan naik taraf yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) pada tahun 2024 dan 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

SENARAI KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECIL DAN NAIK TARAF YANG TELAH DILAKSANAKAN BAGI TAHUN 2024 DAN 2025

TAHUN	BIL	PROJEK	KATEGORI	KOS
TAHUN 2025	1	Kerja-kerja pendawaian semula elektrik, naik taraf bekalan TNB, Naik taraf MSB/DB dan penukaran kabel submain di Masjid Ubudiah, Bukit Gedung, DBD	Masjid	234,828.00
	2	Kerja-kerja membaiki bumbung, menukar kepala paip, lampu dan table top serta kerja yang berkaitan di Masjid Bukit Bendera, DTL		16,816.11
	3	Kerja-kerja memasang lantai, jubin, dinding bata, lampu, kipas, membaiki bumbung, mengecat dan pintu pagar serta kerja yang berkaitan di Masjid Jalan York, DTL		53,864.13
	4	Kerja-kerja menaik taraf tempat wuduk wanita, pagar utama, pintu gelongsor dan mengecat serta kerja yang berkaitan di Masjid Jamek Nibong Tebal, SPS		74,174.28
	5	Kerja-Kerja Pendawaian elektrik semula di Masjid Al-Amin Simpang Tiga, SPS		330,000.00
	6	Kerja-kerja menaik taraf tandas lelaki dan wanita serta kerja berkaitan di Masjid Al-Hidayah Kuala Muda, SPU		119,003.93
	7	Kerja-kerja memasang bumbung awning, mengecat, siling dan membaiki kubah serta kerja berkaitan di Masjid Jamek Teluk Bahang, DBD		73,901.20
	8	Kerja-kerja menaiktaraf tandas wanita dan tempat wuduk serta kerja yang berkaitan di Masjid Merbau Kudung, SPU		119,927.55
	9	Kerja-kerja menaik taraf bekalan elektrik dan penghawa dingin Masjid Daerah SPT (sambungan)		800,000.00
	10	Kerja-kerja menaik taraf bilik tetamu di Masjid Daerah SPT		51,245.91
	11	Kerja-Kerja Menaiktaraf Bumbung Masjid Jamek Alma Jaya, SPT (sambungan)		80,000.00
	12	Kerja-Kerja Membaiki Puli Dan Penambahbaikan Masjid Jamek Tuan Samad Permatang Sungai Dua		630,000.00
	13	Kerja-Kerja Menaiktaraf Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas, SPU		500,000.00
	14	Kerja-kerja menaiktaraf tempat wuduk serta kerja yang berkaitan di Surau Al-Faizin, Halaman Damai, DTL	39,660.24	
	15	Kerja-kerja menaiktaraf tandas lelaki, wanita dan tempat wuduk serta kerja yang berkaitan di Surau Al-Mubarak, Kampung Baru Singai Ara, DBD	93,935.57	
	16	Kerja-kerja memasang pagar keselamatan dan pintu pagar serta kerja yang berkaitan di Surau Raudatul Hidayah, Taman Guar Perahu Indah, Padang Ibu, SPT	43,020.51	
	17	Kerja-kerja menaiktaraf tempat wuduk dan tandas serta kerja yang berkaitan di Surau Arrohman, Taman Panchur Utama, SPS	51,504.46	
	18	Kerja-kerja menaiktaraf tandas lelaki, wanita, tempat wuduk dan lurang kumbahan serta kerja berkaitan di Surau An-Nur, Lebu Nipah, DTL	114,080.00	
	19	Kerja-kerja menukar pintu tandas, pagar keselamatan dan mengecat pagar serta kerja berkaitan di Surau Nurul Naim, Taman Cenderawasih, SPS	27,475.26	
	20	Kerja-kerja membaiki bumbung, gutter, karpet, longkang, jubin dan lain-lain kerja berkaitan di Surau An-Nur Kampung Nelayan, Teluk Kumbar, DBD	130,000.00	
			Surau	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

28. Hospital swasta baharu di Pulau Pinang.

- (a) Nyatakan jumlah projek hospital swasta yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh lima tahun ini serta pihak pemaju yang terlibat.
- (b) Apakah nilai keseluruhan pelaburan hospital swasta baharu di Pulau Pinang?
- (c) Sejauh manakah menyumbang kepada peluang pekerjaan serta pertumbuhan sektor perkhidmatan kesihatan negeri?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Berikut adalah senarai projek hospital swasta yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam tempoh 5 tahun:
- (i) *Bandar Jawi Specialist Center Sdn. Bhd.* - Kapasiti 96 katil, 12 bassinet, 2 kot fototerapi (multidisiplin) 23/6/2022 - 22/6/2026
  - (ii) *Bertam Specialist Hospital* - Kapasiti 100 katil, 1 kot fototerapi, 8 bassinet (multidisiplin) 22/9/2022 - 21/9/2025

- (iii) *Victoria Specialist Hospital* - Kapasiti 151 katil, 8 bassinet, 2 kot dan 2 kot fototerapi (multidisiplin) 22/9/2022 - 21/9/2025
- (iv) *Berjaya Hospital Penang* - Kapasiti 187 katil, 7 kot, 1 kot fototerapi, 3 bassinet, 4 kerusi pergigian, 4 kerusi dialisis, 2 kerusi sandar (multidisiplin) 26/9/2024 - 25/9/2027
- (v) *Georgetown Specialist Hospital* - Kapasiti 247 katil, 11 kerusi sandar, 24 kerusi dialisis, 2 katil dialisis, 3 kerusi pergigian (multidisiplin) 21/10/2022 - 20/10/2025

Ambulatory Care Centre (ACC):

- (i) *I/WAN Specialist Centre* - 26/9/2025 - 25/9/2026
  - (ii) *Aptus Surgery and Specialist Centre* - 20/2/2025 - 16/10/2027
- (b) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) tidak mempunyai maklumat akan perkara ini kerana kos projek hospital swasta tidak berada di bawah seliaan mahupun melibatkan JKNPP.
- (c) JKNPP tidak mempunyai maklumat berkenaan sektor pekerjaan di fasiliti swasta. Selain itu, fasiliti yang disenaraikan di atas masih dalam fasa pembangunan fasiliti dan belum siap sepenuhnya serta belum mula beroperasi. Justeru itu, kapasiti dan peluang pekerjaan di kesemua fasiliti swasta yang dinyatakan di atas belum dapat ditentukan.

Bagi sumbangan terhadap sektor perkhidmatan negeri pula, dengan wujudnya lebih banyak fasiliti kesihatan swasta ini akan memberi lebih banyak peluang kepada kerajaan untuk bekerjasama dari sudut penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan kesihatan terutamanya bagi perkhidmatan yang mempunyai waktu menunggu yang lama di hospital kerajaan. Selain itu, penyumberluaran

juga dapat dilakukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak disediakan di hospital kerajaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

29. Senaraikan GLC di bawah Kerajaan Negeri dan berikan butiran Pengurus Besar (GM) berserta elaun, gaji, bonus dan kemudahan lain yang diterima.
- (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam urus tadbir GLC di bawah pentadbiran negeri?
  - (b) Berapakah jumlah GLC yang telah diaudit sepenuhnya?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

29. Senarai butiran bagi Pengurus Besar GLC adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
- (a) Kerajaan Negeri sentiasa menekankan prinsip *good governance* dalam pengurusan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam urus tadbir. Antara langkah yang telah diambil termasuklah:
    - (i) Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang berkelayakan dan berpengalaman bagi memastikan keputusan korporat dibuat secara profesional dan berintegriti;

- (ii) Pemantauan prestasi kewangan dan operasi GLC secara berkala melalui laporan suku tahunan yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri;
  - (iii) Pelaporan serta penilaian prestasi tahunan, di mana setiap GLC dikehendaki membentangkan laporan prestasi tahunan yang merangkumi pencapaian kewangan dan sumbangan kepada Kerajaan Negeri;
  - (iv) Pelaksanaan kajian mengenai penyelarasan dan penyeragaman tadbir urus GLC oleh *Chief Minister Incorporated* (CMI) melalui penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang berpengalaman dalam bidang *Corporate Governance Policy, Strategic Management & Business Transformation* serta *Digital Economy & Sustainability Practices*; dan
  - (v) Penubuhan unit audit dalaman di bawah penyelarasan CMI bagi memastikan pematuhan terhadap dasar serta mempertingkatkan tahap operasi organisasi, sekali gus memperkukuh tadbir urus, integriti dan akauntabiliti pengurusan GLC.
- (b) Sehingga Oktober 2025, sebanyak tujuh (7) daripada 18 GLC di bawah Kerajaan Negeri telah diaudit sepenuhnya oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Pulau Pinang iaitu:
- (i) Invest-in-Penang Berhad;
  - (ii) George Town World Heritage Incorporated;
  - (iii) Penang Halal International Sdn. Bhd.;
  - (iv) Digital Penang Sdn. Bhd.;
  - (v) Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB Sdn. Bhd.);
  - (vi) Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd.; dan
  - (vii) Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

LAMPIRAN A

BUTIRAN BAGI PENGURUS BESAR/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BESERTA ELAUN, GAJI, BONUS DAN KEMUDAHAN LAIN YANG DITERIMA

Bil	Nama GLC	Perkara			Kemudahan lain yang diterima
		Nama & Jawatan	Gaji (bulan)	Elaun (bulan)	
<b>SSI</b>					
1.	Invest-in-Penang Berhad	YBhg. Dato' Loo Lee Lian Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000 – RM30,000+	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
<b>CMI</b>					
2.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	YBhg. Dato' Seri Farizan Bin Darius Ketua Pegawai Eksekutif	RM40,200- RM74,600	Bil Telefon, pembelian telefon baru	Kenderaan syarikat beserta pemandu untuk kegunaan persendirian Tiada
3.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	YBhg. Dato' Ong Bee Leng Ketua Pegawai Eksekutif	RM10,000- RM16,000	RM600 (Telefon dan Perjalanan)	Tiada
4.	George Town World Heritage Incorporated	YBrs. Dr. Ang Ming Chee Pengurus Besar	RM7,676 – RM20,592	RM6,316	Tiada
5.	Penang STEM Sdn. Bhd.	Dato' Chung Chok Yin Ketua Pegawai Eksekutif	RM10,000	RM 128 (Pangangkutan)	RM4,750 Tiada

Bil	Nama GLC	Perkara					Kemudahan lain yang diterima
		Nama & Jawatan	Gaji	Elaun	Bonus		
6.	Penang Tech Centre	Encik Ts. Khoo Boo Wooi Ketua Pegawai Eksekutif	RM12,000	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Encik Mohd Azraie Bin Ramli Ketua Pegawai Eksekutif	RM14,980	RM4,300 (Elaun perkhidmatan, telefon, sara hidup)	RM7,490	Tiada	Tiada
8.	Penang FC Sdn. Bhd.	Encik Jeffrey Chew Gim Eam Ketua Pegawai Eksekutif	RM12,000	Tiada	RM12,000 (BKK 1 dan 2)	- RM500 Medical Claim (maksimum)	
9.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Encik Ashwin AVL Gunasekeran Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000-RM25,000	RM200 (telefon)	Satu (1) bulan gaji (BKK)	Kemudahan menggunakan kereta syarikat	
10.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Encik Paul Au Chong Yee Pengurus Besar	RM8,200	RM500 (petrol)	RM8,200	Tiada	

Perkara						
Bil	Nama GLC	Nama & Jawatan	Gaji	Elaun	Bonus	Kemudahan lain yang diterima
11.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Encik Ts. Ng Kwang Ming Ketua Pegawai Eksekutif	RM18,000- RM20,000	RM2,000 (Perjalanan, telefon dan internet, penggunaan komputer riba)	1 bulan (Jika ada peruntukan)	Tiada
12.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	Encik Ooi Chok Yan Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000-RM25,000	Elaun telefon RM300	Tiada	Tiada
13.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	Puan Josephine Tan Mei Ling Pengurus Besar	RM8,000 – RM15,000	RM1,800 (Perkhidmatan, Perumahan, COLA, Telefon)	Tiada	1. Rawatan perubatan seperti dalam polisi organisasi 2. Tuntutan perjalan rasmi mengikut kadar yang diluluskan

Bil	Nama GLC	Perkara				Kemudahan lain yang diterima
		Nama & Jawatan	Gaji	Elaun	Bonus	
14.	Penang Science Cluster	YBhg. Dato' Ooi Peng Ee Ketua Pegawai Eksekutif	Julat gaji untuk pengurusan tertinggi adalah daripada RM8,900 ke RM19,500.00			
15.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Sdn. Bhd.)	Pengurus Besar (Kosong-tiada Pengurus Besar buat masa kini)	Setara dengan Gred N48			
16.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCDC)	Tiada Ketua Pegawai Eksekutif / Pengurus Besar. Sekretariat dilaksanakan oleh Pengurusan CMI dan Think City	Tidak berkenaan			
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Pengurus Besar Nasrul Hisyam Bin Bokhari	RM8,376	RM350 (telefon dan pengangkutan)	RM8,376 (BKK)	RM250 (perubatan dan insuran)
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Pengurus Besar/CEO Belum dilantik		Tidak berkenaan		

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(IX)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

30. Apakah inisiatif baharu Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan produk pelancongan berteraskan komuniti, ekopelancongan, pelancongan warisan dan pelancongan kesihatan bagi menarik segmen pelancong berbeza ke Pulau Pinang?
- (a) Apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memperluaskan jaringan penerbangan antarabangsa ke LTAPP serta memperkukuh kerjasama promosi pelancongan dengan negara-negara ASEAN dan Asia Timur?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT) turut melaksanakan strategi kerjasama pintar dengan syarikat penerbangan bagi memperkukuh promosi produk pelancongan dan menarik segmen pelancong baharu termasuk pelancong kesihatan. Antara inisiatif utama ialah pelaksanaan kempen bersama AirAsia, di mana penumpang yang menggunakan pas masuk (*boarding pass*) layak menerima tawaran istimewa bagi pakej pemeriksaan kesihatan dan produk pelancongan terpilih di Pulau Pinang. Promosi ini dilaksanakan secara menyeluruh melalui saluran digital, media sosial, liputan media antarabangsa dan kolaborasi bersama pengengaruh untuk memperlihatkan keunikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pelbagai segmen merangkumi warisan, gastronomi, ekopelancongan dan pelancongan kesihatan bertaraf dunia. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas capaian pasaran promosi ke destinasi seperti Hong Kong,

Shenzhen, Bangkok dan Singapura, malah turut memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan lengkap yang menawarkan keseimbangan antara rawatan kesihatan, rekreasi dan gaya hidup berkualiti.

Sementara itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkenalkan dan memperkukuh produk pelancongan berteraskan komuniti, ekopelancongan, pelancongan warisan dan pelancongan kesihatan di Seberang Perai. Antara usaha yang dijalankan termasuk Kajian Inventori Produk dan Pelan Tindakan Pelancongan Seberang Perai (SPU, SPT dan SPS) bagi mengenal pasti, mendokumentasikan serta mencadangkan pembangunan produk pelancongan baharu berasaskan komuniti setempat. Selain itu, penganjuran program seperti *Butterworth Fringe Festival*, *Nibong Tebal Festival*, Hari Warisan Seberang Perai, Hari Sungai Sedunia dan *Sungai Perai Nature Walk* telah berjaya menarik kedatangan pelancong pelbagai segmen, sekali gus memperkukuh kedudukan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan mampan yang memadukan warisan, komuniti dan kelestarian alam.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PGT sedang melaksanakan pelbagai langkah strategik bagi memperluaskan jaringan penerbangan antarabangsa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) serta memperkukuh kerjasama promosi pelancongan dengan negara-negara ASEAN dan Asia Timur. Usaha ini merangkumi perbincangan bagi membuka laluan penerbangan baharu dan meningkatkan kekerapan penerbangan sedia ada melalui kerjasama rapat dengan *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) dan syarikat penerbangan antarabangsa. Sebagai contoh, HK Express telah memulakan penerbangan dua (2) kali sehari dari Hong Kong ke Pulau Pinang bermula Oktober 2025, manakala Batik Air turut memperluas rangkaian penerbangan terus ke destinasi serantau termasuk Singapura dan Medan, serta Transnusa akan memulakan penerbangan terus dari Jakarta ke Pulau Pinang.

Dalam aspek promosi, Kerajaan Negeri turut melaksanakan kerjasama pemasaran bersama syarikat penerbangan, termasuk *AirAsia Boarding Pass*

*Campaign* yang menawarkan diskaun istimewa bagi tarikan pelancongan dan pakej pemeriksaan kesihatan di Pulau Pinang, sekali gus menggabungkan pelancongan santai dengan pelancongan kesihatan. Di peringkat antarabangsa, promosi turut diperkukuh melalui penyertaan aktif dalam pameran pelancongan seperti *ASEAN Tourism Forum (ATF)* dan *ITB China*, Shanghai, selain penganjuran lawatan promosi (*roadshows*) dan program media *familiarisation trips (FAM trips)* bersama pengendali pelancongan, media dan pengengaruh luar negara bagi memperkenalkan produk pelancongan baharu negeri.

Kesemua inisiatif ini diselaraskan bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi menyokong pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Secara keseluruhannya, langkah-langkah ini bukan sahaja meningkatkan keterhubungan udara dan kedatangan pelancong antarabangsa, tetapi turut mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelancongan utama (*Northern Gateway*) dan destinasi pilihan di rantau ASEAN dan Asia Timur.